Engku Muhcein bin Abdul Kadir:

Tuan Pengerusi, untuk penjelasan supaya jangan panjang, pingat Malaysia di-keluarkan sa-kali sahaja kerana memperingati Malaysia, bukan tiap² tahun. Perbelanjaan di-minta ini ia-lah yang sa-benar-nya lanjutan daripada perbelanjaan yang di-luluskan tahun lepas. Tetapi oleh sebab tidak sempat bayar bill tahun lepas, di-minta balek. Tidak bangkit wang baru untuk membayar hutang tahun lepas. Jadi bukanlah untuk tiap² tahun.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin:

Itu-lah penjelasan yang patut di-beri oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Tetapi kalau sa-kira-nya di-sebutkan pada awal-nya, perkara ini tidak kesamaran. Jadi kerana saya bersetuju dengan pendapat Menteri bahawa bintang ini tidak di-keluarkan lagi, kerana sa-bagaimana saya kata tadi, patut sahaja-lah peruntukan bintang ini di-masokkan dalam kurniaan hari jadi ka-Bawah Duli. Sebab kita tahu dalam 505 orang yang dapat kurniaan pada tahun yang lepas, ini pun tidak cukup lagi. Sa-patut-nya kita boleh tambah lagi 300 orang, kerana Ahli Parlimen ini sendiri—minta ma'af—sa-lama ini pun tidak terima pingat yang lebih tinggi daripada apa yang di-terima pada masa yang sudah.

Jadi duit ini kalau kita masokkan tambahan sa-bagai bintang yang di-

anugerah pada hari jadi, saya fikir ini lebih memberi kesan. Saya berterima kasih-lah kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi penjelasan atas masalaah ini dan saya bersetuju dengan pendapat-nya supaya bintang ini tidak di-adakan lagi. Terima kasih.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):

Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian menyokong permintaan yang di-pohon. Saya hendak berchakap dalam bahagian Surohan Jaya Pilehan Raya S. 4 Pechahan-kepala 8 Pilehan Raya Kechil Dewan Negeri, Sungai Baru. Oleh sebab pilehan raya kechil ini berlaku dalam negeri Melaka, saya menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana membuat satu peruntukan wang perbelanjaan yang sangat kechil bagi menjayakan pilehan raya itu.

Sa-lain daripada itu saya juga mengambil kesempatan menguchapkan terima kasih kepada Pegawai² Pilehan Raya yang menjalankan tugas dalam pilehan raya tersebut, pegawai² polis dan lain². Apa yang saya maksudkan di-sini ia-lah dalam pilehan raya itu bagi pehak parti lawan yang mengambil bahagian bertanding ia-itu parti PAS, telah berkata dalam beberapa kempen-nya, mengeluarkan kata² yang kotor dalam kempen itu dan pernah menudoh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka membazirkan wang Kerajaan. Ini nyata dan terang ra'ayat tidak berkehendakkan PAS lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Ada-kah berlainan pendapat tentang menilai atau tidak itu menjadi satu perkataan kotor di-dalam kempen politik. Sebab kami berpendapat kadang² Kerajaan berbelanja membazirkan dan Kerajaan pula mempunyai alasan² yang dia tidak membazirkan. Itu perpechahan pendapat. Ada-kah itu boleh di-pandang rendah sa-bagai kalimat² yang kotor, berlainan pendapat?

Tuan Abdul Karim bin Abu: Itu pandangan kotor-nya daripada pehak PAS mengatakan perbelanjaan yang di-belanjakan oleh Kerajaan Negeri

Melaka berhubung dengan wang pembangunan Luar Bandar di-Melaka itu, Ketua Menteri Melaka mengeluarkan wang dengan membazirkan. Pada hal ra'ayat nampak apa yang di-buat oleh Kerajaan itu tidak membazir. Kalau hendak saya ceritakan dalam Dewan ini kotor-nya kempen PAS itu banyaklah perkara lagi, tidak payah-lah saya ceritakan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, pertama saya hendak menyentoh tentang S. 7, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, dan saya rasa patut-lah di-sampaikan sa-kuntum bunga orchid kepada Kerajaan yang telah mewujudkan Pusat Pengajian ini untuk faedah yang besar kepada negara kita dan negara² lain dalam pembangunan. Dan dengan demikian kita telah mengambil peranan sa-bagai salah satu negara pelupor yang boleh memberi sedikit sa-banyak sumbangan kita dalam pembangunan dan gerakan pembangunan di-dunia sa-belah sini.

Saya sukachita sangat mendapat tahu bahawa banyak negara Asia dan Afrika yang telah menyahut seruan Kerajaan kita menerusi Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia ini untuk satu seminar pembangunan yang akan di-langsungkan tidak berapa lama lagi. Saya harap dengan chara bagini-lah kita dapat membuktikan sa-sungguh-nya bahawa kita bekerja untuk muslihat bersama dan faedah bersama dengan negara Afro-Asia.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sedikit tentang S. 21 Pechahan-kepala 45, Persidangan Ketua² Negara Commonwealth di-Lagos. Alhamdulillah, kita telah dapat bersama dengan negara² Commonwealth yang lain dalam membinchangkan di-Lagos soal hendak menghanchorkan Kerajaan haram Ian Smith di-Rhodesia. Terbit daripada perkara ini, Tuan Pengerusi, barangkali ini-lah kali yang pertamanya negara² Commonwealth pernah mengadakan persidangan-nya di-luar daripada kota London.

Saya berharap bahawa pehak Malaysia dalam persidangan² Commonwealth yang akan datang akan dapat menganjorkan kepada semua negara² Commonwealth supaya dapat menga-

dakan sidang Commonwealth itu tidak hanya di-London sahaja tiap² tahun bahkan bergilir² dari sa-buah negara Commonwealth ka-sabuah negeri Commonwealth. Dengan demikian maka rasa yang kita ini mempunyai nasib bersama dan kepentingan bersama bertambah² mendalam. Tidak-lah kita akan memandang sa-lama ini sebab sa-tiap kali persidangan diadakan di-London, sa-olah² kita tidak ada kiblat yang lain daripada London kepada Negara² Commonwealth ini. Chuba kita mengubah ini dan menganjorkan ini, dan saya rasa ini satu perkara yang baik untuk kebaikan negara Commonwealth sendiri. Kerana hatta pada masa² yang akhir, pada masa kerisis di-Rhodesia ini memunchak, ada negara menganjorkan supaya Britain di-halau keluar daripada Commonwealth kerana tidak hendak menjalankan langkah yang patut, yang kuat bagi meruntuhkan Kerajaan Ian Smith. Tetapi tidak-lah kita sampai sa-takat itu tetapi sa-kadar langkah yang elok, saya rasa, patut-lah diadakan giliran persidangan itu pada Ibu² Negara Commonwealth itu dari sa-tahun ka-satahun untuk merapatkan lagi rasa kerjasama yang ada terjalin.

Tuan Pengerusi, kemudian saya hendak sentoh sedikit tentang S. 4 Pilehan Raya Kechil Dewan Ra'ayat. Dalam pengalaman saya yang telah bersama turut melihat dan menyaksikan pilehan² raya kechil Dewan Ra'ayat ini di-Perak, di-Krian Laut dan di-Bruas, ada satu perkara yang timbul ia-itu tentang pengundi² dalam Pilehan Raya itu dan daftar² pengundi. Banyak pada masa hari mengundi itu, nama pengundi² itu hilang—sampai, dalam satu tempat itu dua tiga puloh, lima puloh, sa-ratus orang hilang. Pada hal pada masa mengundi tahun lepas ada, tahun ini hilang.

Saya rasa perkara ini, pada masa di-daftarkan sa-mula, di-semak sa-mula pengundi² ini tiap² tahun yang di-jalankan sekarang, di-jalankan pada, barangkali bulan September ini akan di-jalankan di-Tanah Melayu ini—bila masa di-semak sa-mula, maka ada pegawai² yang di-lantek untuk menjalankan kerja ini, boleh jadi sa-tengah² pegawai ini barangkali, entah

macam mana, saya sendiri tahu dalam kawasan saya sendiri pun saya tengok dalam tahun lepas ini, orang itu memang ada, hidup, elok—makan minum elok, tiba² tengok dalam daftar baharu, nama ta' ada. Macham mana nama boleh terpotong, di-katakan sudah mati-kah, berpindah-kah pada-hal orang itu ada. Ini perkara yang timbul saya ingat, Tuan Pengerusi, ia-lah daripada kaki-tangan yang di-lantek ini, dia tidak menjalankan kerja betul². Dia pakai tanya² orang dari jauh. Orang kata ta' ada dia pun potong—ta' pergi ka-tempat itu.

Jadi, saya rasa patut-lah pehak Pejabat Pilehan Raya di-Ibu Negeri yang bekerjasama dengan Pegawai Daerah dalam melantek pegawai² dan kaki-tangan yang menjalankan kerja menyemak sa-mula pengundi² ini, memilih orang yang betul² dapat menjalankan kerja ini. Tidak hanya pakai sambil lewa—orang yang di-suka² oleh D.O. atau pun di-rekomen-kan-nya kapada Pejabat Pilehan Raya, terus di-lantek orang ini—kerja pun jalan lebeh kurang sahaja. Akhir-nya bila datang masa mengundi, orang kampung yang ta' tahu kesah, begitu bagini, tengok nama dia tidak ada—terpotong. Dia orang tanya, boleh jadi awak sudah mati, awak sudah pindah pada hal kawan itu ada di-situ lagi.

Ini perkara berlaku tiap² tahun. Sunggoh, kita ada peluang sa-bulan bagi pengundi² untuk menyemak daftar² itu di-Pejabat Daerah. Tetapi mana-lah orang hendak pergi semak tiap² nama dia daripada senarai²—jarang sangat, melainkan orang yang betul² ada minat. Orang pun bekerja di-kampung banyak yang boleh lalai dalam perkara ini. Jadi, na' salahkan dia, ta' boleh. Tetapi, perkara yang boleh di-buat dan boleh di-ubat ia-lah kaki-tangan yang di-ambil oleh Ibu Pejabat Pilehan Raya dalam menjalankan tugas menyemak ini, orang yang betul² menjalankan tugas dan tidak hanya sambil² lewa dan buat dari jauh, atau pakai tanya khabar dari jauh sahaja. Terima kaseh.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat

Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh berkenaan dengan Kepala S. 7, Sub-head 78. Saya hendak tahu ada-kah Kerajaan sedar ada pembesar² di-luar negeri yang di-beri darjah yang tinggi sa-umpama S.M.N. dan juga P.M.N., tetapi mereka itu tidak mahu gunakan dan ta' mahu di-gelar Tun atau Tan Sri. Saya suka mengshorkan kapada Kerajaan supaya di-nasehatkan kapada pembesar² itu, kembalikan sahaja-lah darjah² itu kapada negara kita, supaya dapat kita memberikan darjah itu kapada orang yang lebeh berkhidmat kapada negara. Sebab ini memberi malu kapada Kerajaan kita. Kita berbelanja beribu² ringgit tiap² tahun untuk membeli darjah² yang tinggi sa-umpama itu, tetapi mereka itu tidak gunakan. Saya harap dapat Kerajaan menasehatkan supaya di-pulangkan sahaja-lah. Demikian-lah, terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil bahagian dalam Kepala 15, bersabit dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas Angkatan Belia Pelupor Negara. Saya suka juga menandatangani dan di-samping itu menguchapkan tahniah kapada Kementerian ini, kerana menganjorkan atau mengadakan Angkatan Belia Pelupor Negara yang mana saya rasa sunggoh² memberi faedah kapada belia² kita yang pada satu masa kelak akan memimpin negara kita. Dan dalam hal ini juga saya suka memberi chadangan supaya Angkatan Belia Pelupor Negara ini di-perbesarkan lagi dan di-peruntukkan wang lebeh banyak lagi untuk mengambil belia²—bukan sahaja belia², bahkan orang² muda yang telah berkhidmat kapada negara saperti orang² yang berkhidmat dalam Wataniah yang telah di-panggil dan berkhidmat sa-bagai askar kerahan (call-up). Kerana konfrantasi kita telah tamat, maka orang² ini akan di-berhentikan dan akan balek ka-kampung masing². Mereka² akan menderita nasib-nya, kerana tidak ada satu jaminan hidup, maka dengan itu saya mengshorkan-lah supaya Angkatan Belia ini di-buka sa-luas²-nya kapada mereka saperti itu, supaya dapat mereka itu mengambil peluang

sama mengikut pengajaran dan memberi jaminan hidup di-dalam Angkatan ini. Dan oleh itu tidak-lah sahaja Angkatan Belia tersebut menolong kapada belia yang belum kahwin, bahkan kapada belia² yang sudah kahwin, dan yang sudah berkhidmat kapada negara, di-beri juga peluang ini dalam Angkatan Belia Pelupor Negara.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:

Tuan Pengerusi, wakil Yang Berhormat dari Bachok telah memberi beberapa pandangan, terutama sa-kali aluan²-nya kapada penubohan Pusat Kemajuan dan Pengajian Afro-Asia, tetapi kenapa-kah perkara ini dimasukkan dalam Jabatan Perdana Menteri. Suka-lah saya hendak menyatakan, sa-benar-nya ini bukan-lah satu pembangunan negara—pegawai² dalam negeri ini. Ini ada-lah satu pengajian dan pengkajian yang diambil bersama² dengan pegawai² kanan daripada negara² Afro-Asia. Sebab itu-lah, dari segi pentadbiran di-fikirkan lebeh elok dan lebeh tersusun di-masokkan di-bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri.

Perkara lampu di-Jalan Dato' Onn itu, bagitu juga-lah. Yang sa-benar-nya Jalan Dato' Onn ini ia-lah di-sekeliling Jabatan Perdana Menteri dan rumah kediaman Perdana Menteri. Jadi, sebab itu-lah dekat dengan Perdana Menteri dan terus masok di-bawah Jabatan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan S. 21, Pechahan-kepala 46, ia-itu meminta laporan seminar dalam perkara demokrasi di-Asia Tenggara, perkara itu akan saya edarkan-lah kapada Kementerian itu untuk mendapat perhatian.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, yang Berhormat Menteri Muda kita mengatakan bahawa perbelanjaan bagi lighting di-Jalan Dato' Onn itu, elok di-buat bagitu dari segi susunan pentadbiran kerana jalan itu dekat dengan Pejabat Perdana Menteri. Saya bersetuju dengan pendapat itu. Tetapi yang saya hendak tanya, ada-kah chara yang sa-macham itu sesuai dengan peratoran kewangan—in conformity.

Sebab, kalau saya ada kenyataan itu, kalau sa-kira-nya Auditor-General mengatakan itu tidak betul, maka saya akan berjumpa lagi dengan Menteri itu dalam Dewan ini. Betul-kah itu, in conformity?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:

Tuan Pengerusi, chara² di-keluarkan wang itu ada-lah di-binchangkan dengan Jabatan Khazanah dan lain² lagi. Maka, oleh kerana di-fikirkan ini boleh di-buat, sebab itu di-buat dengan chara bagini.

Tuan Pengerusi, wakil daripada Muar Utara membawa pandangan, terutama sa-kali dalam soal toast, pingat² Malaysia dan juga selipar sembahyang. Perkara² bagini ada-lah di-ambil perhatian. Tetapi, saya suka-lah hendak menyatakan, sa-bagai kita orang Islam, dalam perkara sembahyang ini, di-mana² pun asalkan tempat ta' najis memang boleh-lah kita sembahyang. Tinggal lagi, kita ini terikut² sangat dengan perkara² bida'ah yang kadang² boleh berlawanan dengan chara² Islam yang tulin dan jati.

Beliau juga bertanya berkenaan dengan Pelupor Negara ini, kenapa di-ambil laki² sahaja, tidak ada wanita. Jadi, suka-lah saya menyatakan, bagi permulaan ini kena-lah laki² sahaja yang belum kahwin, yang maseh teruna, oleh sebab di-fikirkan ini satu langkah pertama. Dan sekarang ini ada lebeh kurang sa-banyak 200 peserta² daripada lapan buah negeri Malaysia Barat yang telah ada di-sini. Mereka ini di-beri pakaian dan makanan yang chukup. Sebab itu-lah, jika di-bawa wanita dengan tidak ada jagaan dalam satu kawasan bagitu, saya fikir lebeh banyak merbahaya-nya daripada faedah-nya bagi sementara ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Lipis memberi pandangan, kenapa-kah motokar untuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-beli dengan harga chuma \$25,000 sahaja. Sa-benar-nya ini ia-lah sa-buah daripada tiga buah motokar untuk istana. Bukan-lah motokar yang nombor satu, tetapi ini sa-buah daripada tiga buah motokar. Dalam perkara ini, suka-lah juga saya hendak

menarek perhatian wakil daripada Batu yang berchakap kelmarin, kenapa-kah pula di-membazirkan wang \$25,000 untok motokar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Yang sa-benar-nya, motokar itu telah di-gunakan sa-lama lebeh kurang sembilan tahun. Jadi, di-dapati sa-lepas sembilan tahun itu tidak-lah boleh di-gunakan dengan sempurna lagi, sebab itu-lah di-tukarkan dengan sa-buah motokar yang lain. Memang-lah, sa-bagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, segala keistimewaan patut-lah di-beri. Dan saya menghargai tinggi-lah pandangan daripada wakil Lipis tadi.

Berkenaan dengan pandangan wakil daripada Kuala Trengganu Utara dan aluan²-nya dalam perkara tahniah Pusat Pengajian Asia dan Africa, sangat-lah di-hargai dan itu-lah saya minta Ahli² Yang Berhormat sentiasa memberi sokongan.

Tuan Abdul Razak bin Hussin:

Tuan Pengerusi, untok penjelasan, boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberi ma'aluman kepada Dewan ini, berapa-lah harga kereta Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang paling tinggi sa-kali di-antara tiga itu.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:

Ini, ia-lah kita membincangkan soal supplement. Jadi, yang berbangkit pada hari ini ia-lah motokar yang nombor tiga ini sahaja ta' berbangkit motokar yang pertama (*Ketawa*).

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli Kuala Trengganu Utara, dalam perkara nama² dalam daftar Pilihan Raya banyak yang hilang, ini boleh-lah saya bawa kepada Jabatan yang berkenaan. Oleh kerana saya sendiri sa-bagai wakil ra'ayat, banyak juga-lah mengalami perkara² bagini. Saya rasa ini ia-lah, ma'alum-lah, sa-bagai manusia biasa memang ada-lah yang tertinggal, yang tersilap, begitu bagini. Tetapi, saya perchaya-lah Jabatan ini sa-berapa daya upaya-nya sentiasa hendak memberi puas hati dan menjalankan kerja sa-boleh² untok mendapatkan sa-banyak² nama yang

boleh dapat daripada ra'ayat² yang berhak di-daftarkan.

Wakil daripada Johor Bahru Barat meminta supaya Kerajaan mengambil balek bintang² yang di-beri kapada mereka² yang tidak mahu menggunakan title-nya. Saya tidak tahu-lah siapa yang ta' mahu menggunakan title ini. Tetapi, saya tahu agak manusia ini ada juga yang tawadhu. Jadi, kalau orang pakai dia ta' marah, tetapi dia sendiri hendak mengada² na' pakai itu, kadang² ma'alum-lah—dia itu segan. Jadi, saya rasa sa-belum daripada Duli Yang Maha Mulia mengurniakan satu bintang itu, memang di-beri pertanyaan dahulu—sanggup ta' sanggup menerima-nya. Kapada mereka yang sanggup sahaja-lah yang di-beri kurnian bintang itu.

Saya menguchapkan terima kaseh kapada wakil daripada Ulu Kelantan yang memberi pandangan yang sangat membena itu, dan saya berharap-lah pada masa akan datang juga Yang Berhormat ini sentiasa memberi sokongan yang membena kapada pehak Kementerian ini. Tuan Pengerusi, demikian-lah, saya usulkan.

Question put, and agreed to.

The sums of:

\$363,993 for Head S. 4,
906,600 for Head S. 7,
10 for Head S. 9,
34,000 for Head S. 11,
314,851 for Head S. 15, and
580,787 for Head S. 21

ordered to stand part of the Schedule.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan sa-hingga pukul 4 petang ini.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.05 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

**THE SUPPLEMENTARY SUPPLY
(1966) BILL**

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE—

Head S. 13—

The Minister of Agriculture and Cooperatives (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohonkan peruntukan di-bawah Kepala S. 13 Pechahan-kepala 107A, berjumlah \$915,875 Pechahan-kepala 107B, \$30,000 Pechahan-kepala 108 \$44,990 dan Pechahan-kepala 109, \$69,990 berjumlah \$1,058,855.00 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Di-bawah Pechahan-kepala 107, ia itu perbelanjaan pentadbiran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, jumlah ini ada-lah di-kehendaki untuk membayar gaji pegawai² dan juga perbelanjaan berulang dan perbelanjaan khas bagi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bagi tahun 1966. Tidak ada peruntukan telah di-masokkan di-dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1966 yang telah berkuat kuasa dalam bulan Oktober, 1965. Dengan sebab kesuntukan masa pada masa itu, peruntukan ini telah tidak di-masokkan ka-dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1966.

Di-bawah Pechahan-kepala 107B, perbelanjaan di-kehendaki bagi Rancangan Makanan Sa-Dunia, maka jumlah wang sa-banyak \$30,000 adalah di-kehendaki untuk membayar yuran kepada Rancangan Makanan Sa-Dunia yang di-kelolakan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian. Yuran ini ada-lah terbahagi kepada dua ia-itu pemberian wang tunai sa-banyak \$15,000 Malaysia, dan sa-jumlah \$15,000 lagi berupa pemberian Kelapa Sawit.

Di-bawah Pechahan-kepala 108, peruntukan di-kehendaki untuk menchetak bagi kali yang kedua-nya buku “Kelapa Sawit di-Malaya.” Peruntukan yang telah di-beri dahulu ia-lah sa-banyak \$10, maka sekarang di-minta sa-banyak \$44,990 bagi menemui harga menchetak lima ribu naskhah buku “Oil Palm of Malaya” atau pun “Kelapa Sawit di-Malaya.” Perbelanjaan sa-banyak ini dapat di-tutup kembali sa-telah buku² itu di-jual.

Di-bawah Pechahan-kepala 109, peruntukan sa-banyak \$67,990.00 ada-lah di-kehendaki untuk menchetak 1,500 naskhah buku “Economic Products of the Malay Peninsula.

Dalam tahun 1966 chuma \$10 telah di-untokkan dan sekarang kita telah mengetahui harga chetakan yang sa-benar maka dengan sebab itu-lah permintaan ini di-buat. Perbelanjaan ini dapat di-tutup kembali dengan menjual buku² ini dan kita dapat menjual buku ini dengan harga \$59 satu naskhah. Sakian-lah permintaan daripada Kementerian ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mengambil kesempatan berchakap sedikit sahaja di-bawah Head S. 13, di-bawah Pechahan-kepala 107A—Perbelanjaan Pentadbiran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ia-itu FAMA.

Tuan Pengerusi, saya menyokong permintaan tambahan ini, tetapi saya minta keterangan yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri kita ia-itu dalam keterangan-nya meminta wang ini kata-nya tidak di-masokkan ka-dalam Estimates tahun 1966 walau pun ada token vote kerana kesuntukan masa.

Tuan Pengerusi, di-dalam keterangan yang bertulis di-dalam Command Paper No. 26 ini kata-nya yang ta’ di-masokkan itu ia-lah kerana FAMA ini baharu berjalan pada bulan Oktober tahun 1965—became operative. Ini, Tuan Pengerusi, berlainan dengan erti-nya masa suntok, dia sudah operative erti-nya berjalan, erti-nya sa-belum daripada masa itu sudah ada satu plan dan chita², maka mengapa-kah token vote pun tidak di-masokkan? Ini-lah menunjukkan bahawa FAMA ini di-buat sa-mata² sa-bagai perkara yang mendatang sahaja bukan sa-bagai satu plan yang betul² di-kaji—is not a study plan. Jadi ini-lah saya rasa dukachita chara² yang kita buat—ini pun merupakan satu grant on the spot juga daripada Kerajaan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 108 dan 109, saya sokong kuat permintaan wang

ini dengan syarat kalau-lah Menteri kita ini boleh memberi naskhah² buku yang di-chetak ini kepada tiap² ahli Dewan kita ini walau pun mahal harga-nya, ada yang \$59 tetapi ini mustahak kepada ahli² Dewan ini mengetahui. Bagi pehak saya di-pehak Pembangkang ini tentu-lah tidak banyak ma'lumat yang dapat daripada apa yang berlaku di-dalam negara kita ini dan saya rasa jikalau buku ini tidak di-beri tentu-lah ta' dapat saya hendak menolong Kerajaan ini dalam memberi tegoran² yang membena.

Sa-lain daripada ini ahli² daripada Kerajaan sendiri pun barangkali banyak juga yang ta' tahu. Jadi ini menunjukkan bahawa Dewan kita ini bukan-lah hendak bagi ahli² kita ini bertambah bertanggung-jawab. Jadi saya minta buku² ini di-bagi kalau hendak dengan duit pun biar-lah sa-bulan \$5.00-kah, berapa-kah, yang di-kenakan supaya dapat kita study juga kerana di-dalam buku itu tentu-lah banyak silap² yang dapat di-tegor kalau berlaku sa-kali pun. Terima. kaseh.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,058,855 for Head S. 13 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 14—

Dr Lim Swee Aun: Mr Chairman, Sir, I beg to move that a sum of \$101,230 under Head S. 14, Ministry of Commerce and Industry, stand part of the Schedule.

Sub-head 2, Administration: A sum of \$66,000 is required to meet rental charges from May to December, 1966 for the new premises of the Export Commodities Division and F.I.D.A. in the Straits Trading Building.

Sub-head 84, Contribution of Consumers' Association: A sum of \$10,000 is required to provide financial assistance to the Malaysia Consumers' Association which was formed to combat abnormal high prices of daily essential commodities by unscrupulous traders. The Consumers' Association requested financial assistance from the Government in order to carry out their activities, and the Cabinet has agreed to give a subvention in the initial stage.

Sub-head 89A. Partitioning of Office: A sum of \$10,000 is required to partition the office of the Export Commodities Division in the Straits Trading Building.

Sub-head 89B: Travelling and Hotel Expenses of Director Designate. A sum of \$7,670 is required to meet the travelling and hotel expenses of Mr E. H. Hauge, who visited Malaysia in early January this year on the invitation of the Government, to give him an opportunity to discuss with Government officials regarding the work of the Director of F.I.D.A. and the terms and conditions of the appointment if he decides to accept that.

Sub-head 89D: Contributions to F.I.D.A. for expenses: A sum of \$7,500 is required to meet the cost of partitioning the office to be occupied by F.I.D.A. also in the Straits Trading Building.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-bawah Head S. 14 ia-itu Pentadbiran Pejabat, saya suka mengkaitkan sedikit agak di-luar sedikit daripada perkara ini tetapi bersangkutan paut dengan pentadbiran juga kalau . . .

Mr Chairman: Kalau luar sedikit baik-lah ta' usah, kita suntok masa.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sebab di-segi pentadbiran itu saya hendak minta tambah lagi, tidak chukup kerana ada lagi.

Mr Chairman: Kalau minta tambah ta' boleh, potong boleh (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Kalau hendak potong sebab ta' chekap, boleh!

Mr Chairman: Potong boleh, boleh beri alasan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, na' potong, kasehan, kerja ini betul (*Ketawa*).

Mr Chairman: Itu-lah (*Ketawa*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit

di-bawah S. 14 Pechahan 84A tentang Pemberian kapada Persatuan Pengguna².

Dalam keadaan sekarang ini di-mana sa-bagai sa-orang consumer yang biasa kita dapati ada-lah harga² barang jualan runchit ini selalu kadang² naik 5 sen satu² barang, 10, 15 sen dan dalam mengatasi soal ini Persatuan Pengguna² ini memang-lah di-harapkan boleh memainkan peranan yang sangat mustahak tetapi boleh-kah kita mendapat suatu gambaran daripada Yang Berhormat Menteri sa-takat mana-kah jangkaan dan kejayaan yang akan di-chapai oleh Persatuan Pengguna² ini dalam bentok dan langkah yang ada sekarang ini? Kerana pada hemat saya sunggoh pun Persatuan ini telah ada semenjak barangkali hampir sa-tahun atau sa-tahun lebeh, ini belum lagi kita rasa kesan-nya atau pun sumbangannya dalam soal menurunkan harga² atau menggesa orang² ramai supaya tidak membeli satu barang yang di-naikkan harga dengan tidak patut. Jadi dalam bentok yang ada sekarang ini dalam Persatuan ini sa-takat mana-kah boleh di-jangka Persatuan ini akan dapat menchapai kejayaan kerana kita memang menaruh harapan yang besar supaya Persatuan itu dapat di-kembangkan, bukan di-kembangkan sahaja, tetapi di-kembangkan dengan memberi kesan yang besar dalam usaha menurunkan harga barang² runchit hari². Dan sa-takat mana-kah pehak Kementerian sanggup menerima anjoran² yang akan di-kemukakan oleh Persatuan ini dalam memerangi kenaikan harga barang², kerana jika di-beri pun bantuan kapada Persatuan ini dan pehak Kementerian tidak begitu memberi perhatian yang berat kapada segala shor dan pandangan dan usaha dan desakan yang di-buat oleh Persatuan ini barangkali kita juga merasa tidak begitu puas hati.

Dr Lim Swee Aun: Mr Chairman, Sir, the Consumers' Association can play an important part in seeing that retailers do not exploit consumers, if all consumers, or the majority of consumers, will voluntarily join the Association. This is a voluntary organisation, not a compulsory one, and, although there had been hopes that

more and more branches would be formed in the States and in the districts, and even in the towns, unfortunately, the response from the consumers themselves have not been as we had hoped. However, the Malaysian Consumers' Association which has been formed with its headquarters in Kuala Lumpur has done considerable work in Kuala Lumpur. It has sent out teams of workers to make a survey of prices paid by consumers on certain essential commodities, and it has circulated a price list to its members, indicating what should be a fair price and what should not be a fair price. It is also giving, through literature issued regularly to its members, marketing tips on which shops sell at good fair prices and when to buy certain things. For example, it has advised consumers to buy chicken only in the afternoon and not in the morning, because there is a practice amongst chicken dealers to force-feed the chickens with sand and other materials so as to increase the weight of the chicken, so that if you buy in the afternoon with the digestion going on, there will be loss in weight—hence the consumer will get a fairer deal. I mean, tips like these have been useful, but as I said, the effect on the whole nation would not be very much unless all consumers, or the majority of the consumers, are prepared to form themselves into associations, not only at the State level or the national level but also at the district, town, and even the village level.

Question put, and agreed to.

The sum of \$101,230 for Head S. 14 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 19—

The Assistant Minister of Education (Enche' Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya mohon menandatangani supaya peruntukan tambahan sa-banyak \$229,280 yang di-minta oleh Kementerian Pelajaran di-bawah Anggaran Perbelanjaan Tambahan Perbelanjaan Biasa yang di-kemukakan sa-bagai Kepala S. 19 tahun 1966, menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Pechahan-kepala 16.—Maktab Pertanian Serdang—\$176,000. Pechahan-kepala 24—Penyelidikan Penuntut² di-Luar Negeri \$53,280. Pechahan-kepala 28—Pemberian kapada Ranchangan bagi tempat tambahan penuntut² Commonwealth di-Oxford, \$10.

Tuan, sebab² Kementerian membuat permintaan peruntukan tambahan yang melebihi peruntukan yang telah pun di-beri di-dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1966 ada di-nyatakan di-dalam kertas Bil. 26 tahun 1966.

Ahli² Yang Berhormat tentu maseh ingat lagi ia-itu di-dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1966 sa-jumlah \$720,000 telah di-untukkan bagi Maktab Pertanian Serdang. Wang sa-banyak ini sekarang di-dapati tidak menchukupi oleh sebab menurut dasar Kerajaan, bilangan penuntut² yang masok Maktab itu telah lebeh daripada berganda pada tahun ini, jika di-bandingkan dengan anggaran bagi tahun 1965. Pada masa Anggaran Perbelanjaan tahun 1966 di-sediakan pada tahun 1965 dahulu tidak-lah dapat di-anggarkan berapa banyak wang tambahan yang di-kehendaki oleh perbelanjaan yang bertambah itu. Dengan peruntukan tambahan sa-banyak \$176,000 yang di-minta sekarang, maka jumlah peruntukan bagi maktab itu bagi tahun 1966 ia-lah \$896,000.

Berhubung dengan Pechahan-kepala 24 wang tambahan sa-banyak \$53,280 ada-lah di-kehendaki untuk menjadikan jumlah peruntukan di-bawah Asrama British Council di-London dan Edinburgh dengan sa-banyak \$82,818 oleh kerana pada tiap² tahun ada-lah di-desak kapada perbelanjaan pembenaan asrama² itu. Pada tahun yang lalu, tidak-lah dapat di-anggar, pada tahun 1965 itu, berapa banyak pencharuman-nya bagi tahun 1966 dan bagi sa-bahagian daripada tunggakan² itu ia-itu \$25,508 ada-lah merupakan bahagian negeri² Sarawak dan Sabah bagi tahun 1964-1965 dan ini tidak dapat di-ketahui oleh Kementerian Pelajaran sa-hingga awal tahun ini.

Pechahan-kepala 28 yang baharu yang merupakan charum Kerajaan kapada satu ranchangan bagi perunto-

kan tempat² tambahan untuk penuntut² Commonwealth di-Oxford ada-lah satu butir baharu dan wang sa-banyak \$858 ada-lah di-kehendaki bagi butiran itu. Daripada jumlah ini \$858 telah pun di-dapati dengan syarat pindahan peruntukan daripada Pechahan-kepala 23.

Biasiswa² Negeri:

Hanya wang tambahan sa-banyak \$10 sahaja di-kehendaki untuk anggaran perbelanjaan tambahan itu. Ranchangan ini sendiri ada-lah untuk menjadikan bangunan di-Oxford sa-bagai asrama untuk menempatkan penuntut² Commonwealth yang belajar di-Oxford. Beberapa buah negeri yang mempunyai penuntut² di-Oxford ada-lah juga mengambil bahagian di-dalam ranchangan ini. Malaysia ada-lah mempunyai sa-banyak 35 penuntut di-Oxford dan telah pun memutuskan untuk memberi sumbangan sa-banyak £100 lebeh kurang \$858. Ini ada-lah merupakan hanya sa-bahagian kechil sahaja daripada jumlah perbelanjaan ranchangan itu yang telah di-anggarkan sa-banyak £40,000 atau sa-banyak \$257,000. Tuan, saya pohon menchadangkan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$229,290 for Head S. 19 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 23, S. 24, S. 26 and S. 30—

Dr Ng Kam Poh: Mr Chairman, Sir, with your kind permission, I would like to take Heads S. 23, 24, 26 and 30 at the same time and I beg to move that the following sums be approved:

Head S. 23 ...	\$ 184,317
Head S. 24 ...	4,367,625
Head S. 26 ...	5,220
Head S. 30 ...	12,344

Under Head S. 23—Treasury, nine sub-heads are involved, viz. Sub-heads 2, 5, 7, 9, 21A, 21B, 21C, 21D and 23. Sub-head 2—Administration, requires an additional sum of \$43,761 to meet rental charges from May to December 1966 for the new premises of the Stores and Contracts Division of the

Treasury at the Straits Trading Building, Kuala Lumpur. Sub-head 5—Maintenance of Accounting Machines, requires an additional sum of \$5,120 for the maintenance of accounting machines in the Accountant-General's Office. This amount is required for the overhaul of the accounting machines to avoid frequent breakdown through long usage. Sub-head 7—Maintenance and Repair of Air-Conditioning Plant, requires an additional sum of \$1,050. The allocation was found insufficient to pay the service and repairs charges on the air-conditioning units in the Accountant-General's Office. Sub-head 9—Printing and Stationery, requires an additional sum of \$14,500 to meet the cost of printing forms and stationery consequent upon the rapid mechanisation of accounting procedures in the Accountant-General's Office thereby necessitating a corresponding increase in the use of stationery and forms, especially for centralised payment of salaries and pensions. Sub-head 21A—Partitioning of Office, requires a sum of \$11,500 to meet the cost of partitioning of the offices of the Organisation and Methods, the Insurance and also the Stores and Contracts Division of the Treasury, in the Straits Trading Building. The offices mentioned are moved to the Straits Trading Building in view of the shortage of office space in the Selangor State Secretariat Building which houses the main Treasury Office. Sub-head 21B,—Motorcar/Van, requires a sum of \$19,562 for the purchase of an official car for the Minister of Finance and an office van to replace the existing vehicle which is beyond economical repair. Sub-head 21C,—Modification of sensitronic machines, requires a sum of \$17,634. The existing 3 machines require modification to cope with the accounting work in the Accountant-General's Office, and to achieve more detailed information in the Accounts Section. Sub-head 21D—Purchase of an additional sensitronic machine, requires a sum of \$65,000 for the purchase of a new sensitronic machine to cope with the increased work load and to take over from the ordinary accounting machines certain subsidiary accounts. Sub-head 23—Purchase of

Office Machines for Departments in Sarawak and Sabah, requires an additional sum of \$6,200 for the purchase of office equipment for the Education Department in Jesselton, Sabah.

The next Head is Head S. 24—Treasury General Services and nine sub-heads are involved. Sub-head 3—Compensation arising from claims made on Government, requires an additional sum of \$40,000 to meet claims made on the Government since the original provision of \$60,000 has proved to be inadequate. The amount could not be estimated accurately because it depends on the number of claims submitted and approved. Sub-head 32—Secret Service, requires an additional sum of \$4,000,000 to supplement the existing vote of \$3.6 million to cover expenditure till the end of 1966. The additional amount is in view of security needs. Sub-head 32B—Death and disablement benefits for Ministers, Assistant Ministers, Members of Parliament and Parliamentary Secretaries, requires an amount of \$60,010 to make payment to the dependants of a Member of Parliament who died in a car accident recently as provided for under the relevant Act for the payment of compensation in the event of death or injury suffered by Ministers, Assistant Ministers, Members of Parliament and Parliamentary Secretaries as a result of accidents. Sub-head 32C—Consultative Group on Aid to Malaysia—Expenses of Delegation, requires an amount of \$7,945 to meet the expenses of the Delegation led by the Minister of Finance in May, 1966 to European countries in the Consultative Group on Aid to Malaysia. Sub-head 32D—Government Entertainment Expenses, requires an amount of \$25,000 to pay for entertainment expenses incurred by Ministries other than the Prime Minister's Department, Ministry of Defence and Ministry of National and Rural Development. Originally, expenditure of this nature was met from the Hospitality Fund controlled by the Prime Minister's Department but in order to facilitate better control the vote now comes under the Treasury. Sub-head 39—Expenses for the Consultative Group on Aid for Malaysia

Plan, requires an amount of \$20,000 to meet the local expenses of the World Bank experts who visited Malaysia in connection with the proposal to secure financial aid for the Malaysian Plan. Sub-head 40—Tin Buffer Stock Expenses, requires an amount of \$18,037 to meet the accounting expenses of the Third Tin Buffer Stock for the year 1966. This amount is recoverable from the Third Tin Buffer Stock. Sub-head 41—Compensation for fire-crackers surrendered to Government, requires an amount of \$101,390 to pay compensation in respect of fire-crackers surrendered in Sarawak before Malaysia Day to the State Government under the Sarawak Preservation of Public Security Regulations, 1962. The compensation became a Federal liability after Malaysia Day and hence the payment by the Federal Government. Sub-head 42—Reimbursement of Cost of Federal Services rendered by the Director of Audit, Singapore, requires a sum of \$55,243 to reimburse the Singapore Government for the cost of services rendered by the Director of Audit, Singapore, on behalf of the Auditor-General, Malaysia, for auditing Federal accounts in Singapore when Singapore was part of Malaysia.

I now come to Head S. 26 and only one Sub-head is involved. Sub-head 29—Payment to International Customs Co-operation Council, requires a sum of \$5,220 as Malaysia's contribution towards the International Customs Council for the year 1966.

Finally, under Head S. 30, 4 Sub-heads are involved. Sub-head 2—Administration, requires an additional sum of \$3,240 for the Inland Revenue Department, Sarawak. Due to the discontinuance of franking privileges on letters sent by air-mail, all outward mail must have postage stamps with effect from 1st January, 1966. The Department has also to pay for postage on inward mail from taxpayers as they are not required to pay postage on sending letters and returns pertaining to tax matters. This expenditure has not been foreseen for 1966, and as such, it is now required to meet expenses for the current year. Sub-

head 12—Office Furniture and Equipment, requires an additional amount of \$6,468 to meet purchases of essential items of office furniture and equipment for the Inland Revenue Department, Sarawak. This arises from the increase in the number of staff to cope with the extra work as a result of the introduction of new taxes and changes in tax legislation. Sub-head 12A—Franking Machine for the Inland Revenue Department, Sarawak, requires a sum of \$1,318 to meet the cost of franking machine for the office of the Inland Revenue Department in Sarawak. This is required because of the discontinuance of franking privileges on outward mail sent by air. Sub-head 16—Franking Machine for the Inland Revenue Department, Sabah, requires a sum of \$1,318 to meet the purchase of a Franking Machine for the Office of Inland Revenue Department in Sabah, as in the case of Sarawak.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya tidak faham apa-kah yang di-maksudkan di-dalam Head S. 24, Sub-head 3—Pampasan kerana Tuntutan yang di-buat kepada Kerajaan, sa-banyak \$40,000. Pampasan ini kerana apa-kah yang di-bayar itu Menteri kita tidak sebut pun, dia kata orang claim sahaja dia hendak bayar. Apa-kah benda² yang mereka itu tuntutan patut-lah di-terangkan, sama ada kita hendak membenarkan \$40,000 ini atau tidak dapat-lah kita memberi fikiran.

Yang kedua, di-bawah Head S. 24, Sub-head 41, Pampasan kerana penyerahan merchun² kepada Kerajaan sa-banyak \$101,390. Tuan Pengerusi, saya minta Kerajaan potong $\frac{1}{2}$ yang ini, kerana kalau sa-kira-nya merchun² ini di-ambil dengan kuat-kuasa undang², saya rasa compensation itu tidak-lah patut banyak sampai begitu. Kalau sa-kira-nya perkara ini tidak di-buat menurut undang², maka saya rasa tidak ada satu sebab pun Kerajaan hendak berbuat demikian, jadi masalah merchun ini sudah memakan beratus ribu. Jadi, saya tidak nampak mengapa-kah merchun ini mesti di-bayar compensation sampai begitu banyak.

Sa-patut-nya kalau kita nampak merchn² ini merbahaya tidak patut-lah kita membenarkan merchn² itu di-buat mengikut size²-nya yang besar, merchn kecil itu kita fikir tidak merbahaya, tidak apa. Jadi, dengan bagini nasib baik-lah Kerajaan kita ini bermurah hati membayar compensation walau dia berhak menyuruh orang itu menyerahkan merchn itu, tetapi kalau kita tidak membayar pula, ini bererti kita sudah interfere kebebasan dan hak ra'ayat kita sendiri. Jadi, saya rasa perkara ini boleh di-selesaikan dengan undang² pada kali yang lain, dan pada kali ini saya minta kalau hendak bayar pun sa-takat \$100,000—yang baki-nya itu kita potong.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, if I can quote the item number in the Command Paper, I think, it would be easier for the Honourable Assistant Minister of Finance to follow me. Under Head S. 23, item 47, it is stated that the sum of \$43,761 is required to meet rental charges from May to December, 1966, for the new premises of the Stores and Contract Division of the Treasury at the Straits Trading Building, Kuala Lumpur. Mr Chairman, Sir, this sum of money of \$43,000 plus for the period of seven months works very nearly to \$5,480 per month. Can the Honourable Assistant Minister of Finance tell us what is the cost of hiring that building in terms of cost per square foot? It would be very revealing if the Honourable Assistant Minister of Finance can quote it, as it would show whether the Treasury itself is careful of the taxpayers money.

Mr Chairman, Sir, under the same item, the sum of \$5,000 is required for the cost of partitioning the office building, and on the next page (item No. 49) again, the sum of \$6,500 is required, in this instance, to meet the cost of partitioning the office occupied by the Organisation and Methods and Insurance Divisions of the Treasury in the Straits Trading Building. Now, Mr Chairman, Sir, both these offices are in the same building, although they are different Divisions, and the cost of partitioning comes up to \$11,500. Can the Honourable Assistant

Minister of Finance tell us if there is any justification for this expenditure, in view of the fact, I am told, that the Ministry of Foreign Affairs, has already shifted from that building, presumably leaving quite a good deal of office space vacant for whatever purposes the Treasury might find use for that vacant space? If the space vacated by the Ministry of Foreign Affairs could usefully be used by these two Divisions of the Treasury, then I say there is wanton waste—I hope the Honourable Assistant Minister of Finance does not jump the gun and say that, I assume. I say, if this can be usefully used by these two Divisions of the Treasury, then I say there is wanton waste of public funds.

Now, Mr Chairman, Sir, I would like to have a more detailed explanation, if it is possible, in regard to the particular item on Secret Service. Provision in the Estimates is for \$3.6 million. Now we are asked to provide \$4 million. Now, Mr Chairman, Sir, I do know that Secret Service votes in this country, as in other countries, are legitimately built into all sorts of votes to be-fuddle the ordinary M.P. or the man-in-the-street and any potential enemy. But, in the past, we have had the explanation given that these votes are to pay out rewards for information received. Now, I would be very grateful for further clarification on this point.

Mr Chairman, Sir, under item No. 55 of this Command Paper, there is an expenditure of \$60,010 shown as compensation as a result of the death of a Member of Parliament who died in a car accident. Mr Chairman, Sir, I want to make it quite clear that I do support this compensation and, if I am asking any question, it is only merely on a point of principle. If I remember rightly, when this House approved of this piece of legislation, nowhere in the legislation did it state that we could make back payments. In the case of pensions for the Prime Minister, I remember rightly that it was stated clearly that service before and service after the passage of that Bill would count towards the pensions—I stand corrected. But I think

I am correct in saying that this particular piece of legislation, under which this payment is made, did not say that back payments could be made. If I am correct—and here I stand corrected—if indeed I am correct, then I think that it is wrong in principle to make this payment under this Act. The Government could very well achieve the same purpose by making an *ex-gratia* payment. I would like to have clarification from the Honourable Assistant Minister of Finance, because making payments before the effective date of any piece of legislation is a very dangerous thing. Perhaps, the Treasury may not know. There are a whole heap of civil servants sitting behind the Ministerial Bench—presumably some of them represent trade unions—and one point of issue at every trade union dispute, whenever they come to an agreement, is the effective date of implementation of the new Wage Agreement, and I believe the Government's stand is that the effective date should be the first day of the following month following the date of the agreement reached. Again, if I am correct, in effect we are backdating this payment.

Tuan Pengerusi, di-dalam memberikan penjelasan, saya ingin menyatakan ia-itu berkait dengan Pechahan-kepala 34A bantuan kepada Tanggongan² Orang² Tahanan. Peruntukan bagi tujuan yang sama telah pun di-luluskan oleh Dewan ini di-dalam bulan November tahun yang lalu. Dan peruntukan sa-banyak \$160,000 yang di-minta di-dalam Anggaran Bekalan Tambahan ini ada-lah di-perlukan untuk perbelanjaan tahun ini, untuk membantu tanggongan² orang² tahanan yang telah di-tahan di-bawah kuat kuasa Undang² Keselamatan Dalam Negeri.

Berthabit dengan bantuan kepada mangsa² banjir di-Kelantan dan Trengganu, Ahli² Yang Berhormat telah ma'alum tentang banjir yang dahshat yang berlaku di-kedua² negeri itu dalam bulan Disember tahun 1965. Satu penyiasatan dari rumah karumah telah di-jalankan di-Kelantan dan Trengganu untuk menentukan jenis dan sa-takat mana kehilangan pendapatan dan harta benda yang dialami oleh penduduk² yang terlibat, dan hasil daripada penyiasatan² itu menunjukkan bahawa di-Trengganu sa-banyak 16,041 keluarga yang melibatkan sa-ramai 78,603 orang telah menderita kerugian tanaman padi, ternakan² dan lain² alat kelengkapan rumah. Sementara di-Kelantan pula bilangan keluarga yang terlibat ia-lah sa-banyak 30,731 yang terdiri daripada 156,730 orang.

Daripada perangkaan yang di-dapati, jumlah kehilangan negeri Trengganu ia-lah \$2,804,962 dan di-Kelantan pula sa-banyak \$6,128,031 yang menjadikan jumlah bagi kedua² negeri itu sa-banyak \$8,933,031. Sa-telah di-siasat dan di-kaji tiap² satu permohonan telah

di-dapati bahawa sa-jumlah 42,699 keluarga ada-lah layak untuk menerima bantuan ia-itu 14,045 di-Trengganu dan 28,654 di-Kelantan. Wang sa-banyak \$4,683,078 ada-lah di-perlukan untuk tujuan menyediakan bantuan² pemulahan kepada mangsa² banjir yang layak menerima bantuan ini dan juga untuk menanggung perbelanjaan penyiasatan yang di-jalankan di-Trengganu dan Kelantan itu. Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya men-chadangkan.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Saya hendak berchakap sadi- kit atas Kementerian Kebajikan 'Am ini, di-dalam jumlah peruntukan banjir sa-banyak \$4 juta lebeh kepada negeri Kelantan. Maka dapat-lah ra'ayat di- sana sedikit sa-banyak suka hati kerana di-beri bantuan oleh pehak Kementerian ini. Tetapi kenyataan² sa- lepas daripada itu menunjukkan, dan pehak Menteri pun sendiri sudah pun mengetahui dan mendengar khabar perkara ini, ia-itu banyak daripada orang² yang sa-patut-nya menerima bantuan banjir ini orang ini yang banyak tidak mendapat bantuan. Tetapi orang² yang tidak patut menerima ada dia menerima bantuan² saperti ini.

Jadi saya hanya menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri, apa-kah sa- kira-nya ada kenyataan² yang terang yang boleh kita sampaikan kepada Menteri bahawa orang yang tidak patut menerima bantuan maka dia boleh menerima bantuan itu dan orang sa- patut-nya menerima bantuan tidak boleh dia menerima bantuan itu. Apa- kah boleh Menteri ambil tindakan dan memberi bantuan pula pada orang yang patut menerima bantuan? Itu sahaja.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya juga turut meng- uchapkan terima kaseh kepada Ke- menterian Kebajikan yang telah dengan chepat mengambil tindakan menolong mangsa² banjir di-Kelantan dan Treng- ganu.

Tuan Pengerusi, saya terpaksa-lah di-sini mengambil masa dua tiga minit hendak mencheritakan bahawa dalam masaalah mangsa banjir di-negeri

Kelantan ini saya sendiri juga telah mengambil bahagian bekerja sama dengan pehak Kerajaan Pusat sa- hingga pada suatu hari itu nyawa saya pun, Tuan Pengerusi, hampir² terbang ia-itu saya balek daripada satu tempat dengan helicopter, elok² sahaja turun daripada helicopter itu maka heli- copter itu pun rosak dan api-nya naik, erti-nya kalau tiga minit lagi saya tidak turun, saya tidak ada di-dalam Dewan ini!

Apa yang mendukachitakan saya, Tuan Pengerusi, ia-lah apa yang di- sebutkan sa-bagai ucapan Menteri Kebajikan. Saya tidak tahu sama ada benar atau tidak perkara ini, tetapi di-sebut sa-bagai Menteri itu berkata. Dapat-kah Menteri kita ini menerang- kan ia-itu di-ketika Yang Berhormat Menteri kita pergi ka-kawasan saya, yang saya baru selamat daripada nyawa itu, di-katakan Menteri kita ini berkata saya telah berkempen di- kawasan itu mengatakan duit bantuan ini duit daripada luar negeri bukan daripada Kerajaan kita sendiri di-sini. Jadi ini, Tuan Pengerusi, amat-lah tidak patut dan saya tidak fikir Men- teri itu sampai bagitu hendak menga- takan kepada saya ini, sebab kalau itu-lah kata²-nya yang terkeluar sa- olah² saya ini jahat sangat dan bodoh sangat dan saya dapat memberi jaminan kepada Tuan Pengerusi, bahawa saya ini bukan-lah orang yang bodoh saperti itu dan tidak orang yang jahat saperti itu dan patut-lah Menteri kita ini menafikan satu per- kara yang tidak patut dalam satu² urusan yang kita sifatkan sa-mata² sa-bagai welfare.

Tetapi, yang lebeh mengetawakan, Tuan Pengerusi sendiri pun tengok, di-waktu membahagi duit itu ada kempen parti pula di-dalam itu, ia-itu satu surat yang di-tandatangani oleh Menteri sendiri. Tetapi, ta' tahu-lah tandatangan ini sungoh-kah ta' sung- goh—ta' tahu. Jadi, bagi duit itu, di- sebutkan "ini-lah bantuan wang bagi tuan sa-banyak (ringgit) daripada Kerajaan Perikatan." Tuan Pengerusi bila kita memberi satu² welfare, satu² kebajikan kepada ra'ayat, kita ta' ada sebut lagi Kerajaan Perikatan-kah Kerajaan PAS-kah, Kerajaan apa-kah.

Kalau kita hendak menggunakan *term* itu, kita gunakan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri—State Government atau pun Federal Government.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, suka agak-nya saya menchelah sedikit. Tidak-lah ada Kerajaan PAS Kelantan menyatakan itu wang daripada Kerajaan PAS Kelantan yang meminjam daripada Kerajaan Pusat. Chuba nafikan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Apa? Tuan Pengerusi, saya ta' dengar. Saya sedang berchakap berkenaan dengan masaalah bantuan banjir ini. Kemudian na' di-bawa pula satu comparison, ka-mana pula na' di-bawa itu?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tidak ka-mana. Saya katakan tadi, tidak-kah ada di'ayah daripada orang² PAS di-Kelantan, lebeh²-nya wakil ra'ayat Kelantan, menyatakan wang yang diberi itu ia-lah wang yang di-pinjam oleh Kerajaan PAS Kelantan daripada Kerajaan Pusat? Ada-kah tidak perkara itu berlaku di-sana?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: We are not so foolish—kita bukan begitu punya bodoh sa-bagai Menteri itu hendak menggunakan nama Kerajaan (*Ketawa*). Tidak benar itu. Sebab, menggunakan nama Kerajaan itu legal. Tidak benar begitu. Ini surat documents evidence kalau sa-kira-nya ini betul² surat ini rasmi mengapa tidak di-letakkan chop Federal kita? Mengapa di-buat bagini sahaja?—masok beri surat bagini. Ini-lah kerja Menteri Muda ini dia pergi rata beri surat ini. Ini saya boleh tunjok.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Timbul-nya surat yang sa-umpama itu, dikeluarkan kepada orang di-Kelantan supaya mereka itu dapat faham yang wang itu datang-nya daripada Kerajaan Pusat, bukan daripada Kerajaan negeri Kelantan sendiri yang sudah samesti-nya bertanggung-jawab kepada mangsa banjir itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya bersetuju bahawa mengatakan bantuan itu daripada Kerajaan Pusat. Apa yang saya protest ini ia-lah Kera-

jaan Perikatan. Saya tidak mahu sebut Kerajaan Perikatan atau Kerajaan PAS dalam perkara welfare—perkara kebajikan. Biar-lah kita terangkan bahawa wang ini wang Kerajaan Pusat dan wang Kerajaan Negeri. Dan saya telah berchakap tentang perkara itu—ini terang. Jadi, ini-lah yang memalukan kita, Tuan Pengerusi. Jadi, kalau kita hendak kempen pada masa itu, chara lain kita kempen. Bukan tidak boleh berkempen, saya pun kempen juga kalau saya na' menang (*Ketawa*). Tetapi tidak dalam perkara welfare ini—kita tidak pernah buat dalam perkara begitu.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tidak sama sa-kali kita pergi ka-sana berkempen.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, mengapa-kah Menteri Muda kita ini kuat sangat berchakap? Pada hal saya berchakap dalam Kementerian Kebajikan. Nothing concern with him—nothing concern with him. Dan saya tidak minta jawapan disitu. Jadi, ini-lah, Tuan Pengerusi, saya minta ma'af kepada Tuan Pengerusi. Kalau Menteri ini, dia hendak debate, O.K. I challenge you (*Ketawa*)—kita debate, outside—di-Stadium Merdeka kita debate (*Ketawa*).

Tuan Sulaiman bin Bulon: Menteri saya. Menteri Kebajikan 'Am ini, tidak-lah sapertimana saya yang selalu-nya masok ka-kampong², tahukan hal-nya. Sebab, Menteri saya ini ada-lah tua sedikit—suka na'dudok sa-bentar dahulu. Kalau saya, saya terus masok, saya tahu apa yang di-buat oleh Ahli² PAS di-Kelantan dan sa-terus-nya wakil² ra'ayat PAS di-Kelantan atas pemberian mangsa banjir yang di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan—Kerajaan Pusat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak membantah dia masok itu. Tetapi saya sedang protest—kalau na'buat bagini, saya kata kita gunakan nama Kerajaan Pusat supaya ra'ayat boleh tahu. Tetapi yang dia bangun dengan tidak ada satu sebab, itu yang saya chukup hairan itu.

Mr Chairman: Point dia itu tadi bukan fasal masok, fasal dia tahu dia kata (*Ketawa*) apa yang jadi. Itu dia.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, saya tidak dapat hendak berkata sama ada dia tahu atau pun tidak. Apa yang saya berchakap sekarang ini siaran daripada Kementerian Kebajikan ini tidak patut di-tulis nama Kerajaan Perikatan atau nama Kerajaan PAS atau nama Kerajaan PPP. Itu yang saya maksudkan. Dan dia telah bangun dengan begitu punya berani!

Tuan Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, Kerajaan Pusat ini Kerajaan PAS-kah (*Ketawa*)?

Sa-orang Ahli Yang Berhormat: Jangan harap! (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Yang saya maksudkan ini bukan saya na' bertengkar parti—tidak. Jadi, kalau surat ini surat rasmi orang tidak pernah kata Kerajaan PAS, Kerajaan Perikatan, kita kata State Government atau pun Federal Government, kita katakan. Kalau State itu di-control by P.M.I.P.—itu masalah lain. Legal-nya ia-lah Federal Government atau pun State Government. Itu yang saya na' betulkan dengan ikhlas, bukan hendak berlawan kempen. Kalau hendak lawan debate saya sudah challenge Menteri Muda ini—open debate (*Ketawa*) dan dia tidak accept. Jadi, itu-lah saya merasakan.

Mr Chairman: Jadi, apa salah-nya kalau kata Kerajaan—dalam surat itu tadi, tentang mana salah-nya itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tulisan itu ta' salah-lah (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, ejaan pun betul-lah. Ta' ada salah—betul belaka. Tetapi, saya ta' mahu dia gunakan perkataan Perikatan itu.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, Ahli daripada Bachok ini jaki hati sangat nampak nama perkataan "Perikatan" itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak. Tuan Pengerusi, saya tidak jaki. Kalau saya jaki mengapa saya na' dudok dalam Dewan ini—semua-nya orang Perikatan. Chara Menteri kita itu membuat biar-lah, atau pun orang yang membuat surat ini, biar-lah agaknya bagi matang sedikit. Ini dapat ka-tangan orang ini dan tuan² tahu kalau-lah ini hendak menjadi bahan kempen, reaction, kami pun tahu juga na' kempen ini. Ini merugikan lagi. Jadi, dalam masalah welfare, masalah kebajikan, saya rasa kempen² macham ini pun tidak patut, dan saya tidak pernah berchakap perkara² yang sa-bagaimana yang di-katakan oleh Menteri kita itu, yang di-sebutkan di-dalam surat khabar itu. Dan saya suka-lah minta ma'af dalam Dewan ini oleh kerana jemputan daripada Yang Berhormat Menteri hari itu menjemput saya hadir dalam tempat² itu saya tidak dapat hadir kerana saya berada di-luar negeri. Dan saya minta Menteri kita ini jangan ingat saya boikot dalam perkara itu oleh kerana saya tidak ada. Saya ada di-luar negeri.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, sa-belum saya pergi kapada perkara yang lain—perkara yang di-bangkitkan dari Bachok tadi. Saya bukan sa-bagai Menteri, saya hendak beri tahu pengalaman saya sa-belah pantai timor negeri Kelantan. Barangkali memang-lah sebutan Kerajaan Perikatan itu tidak salah kerana Kerajaan Perikatan Kerajaan Pusat tetapi ada sebab yang lebeh besar daripada itu kerana diayah² yang di-kelirukan oleh orang² PAS di-Kelantan ini, saya ada pengalaman sendiri. Satu masa, satu orang guru, tok guru yang saya tidak mahu sebutkan nama dalam Dewan kerana dia telah meninggal.

Mr Chairman: Ini nampak-nya kita tidak ada berkenaan dengan ini, kita bercherita sahaja nampak-nya.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Pendek² sedikit-lah.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ia, jadi saya hendak katakan apa sebab

perkara itu tidak salah tadi, kerana masa itu sa-orang guru, tok guru-lah, jadi, dia di-beri fahaman oleh orang PAS ini mengatakan bahawa Kerajaan Perikatan ini punya jahat sa-hingga Sultan Melayu pun di-turunkan—di-naikan Sultan China, di-mana? Di-Pulau Pinang, jadi orang kata surat khabar tak ada berita, radio pun tak kata itu surat khabar, surat khabar Perikatan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Fasal banjir ini apa ada kena-mengena dengan itu?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Fasal nama Perikatan tadi itu, dia kata fasal surat khabar, surat khabar Perikatan haram di-bacha, radio Perikatan haram di-dengar, jadi itu-lah chara diayah yang di-jalankan di-negeri Kelantan, Tuan Pengerusi. Jadi Kementerian ini ada hak menyebut nama Perikatan di-situ. Kemudian perkara yang kedua, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya minta nanti keluar nanti ta' tahu, saya tak jamin diri saya.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya tidak beri jalan, dudok! Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah perkara sa-lepas kita patut berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah memberi bantuan istimewa kepada mangsa² banjir di-Kelantan-Trengganu ini. Kemudian sa-lepas di-bagikan bantuan² ini ada lagi pada masa ini orang² kampung yang tertinggal yang pada masa di-banchi kelmarin barangkali pada masa itu dia bekerja keluar kampung entah macham mana tetapi dia ada kena-lah sedikit sa-banyak kemalangan dan kerugian. Jadi, ini-lah rayuan yang di-buat kepada Wakil Ra'ayat di-sana termasuk-lah saya sendiri sebab ada pertimbangan baru kepada perkara² yang genuine, yang tak genuine itu barangkali ada juga tetapi genuine-nya patut di-beri pertimbangan yang istimewa pula oleh Kerajaan Pusat supaya mereka tidak ketinggalan atas kerugian bah yang telah di-alami oleh mereka itu.

Tuan Haji Husain Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya saya tidak hendak berchakap panjang, tetapi saya hendak menegaskan apa yang di-katakan oleh Ahli² Yang Berhormat pada pagi tadi.

Tuan Pengerusi, sa-belum saya berchakap dalam masaalah ini, saya harap kepada Ahli² Yang Berhormat, juga Menteri² dalam Dewan ini, tolong perhati kepada satu perkataan di-dalam Islam yang berbunyi "Unzur ila makkala wala tanzur ila man kala" erti-nya "Perhati oleh mu kepada perkataan orang yang berkata dan jangan kita perhati atau tilek kepada orang yang berkata". Maksud-nya jikalau sa-saorang tidak sama dengan kita, baik dalam segi apa pun, tetapi kalau sa-kira-nya perchakapan itu benar maka kita boleh terima apa yang di-katakan oleh-nya dan sa-balek-nya jikalau sa-saorang yang sama dengan kita, baik dalam segi apa sa-kali pun, tetapi kalau sa-kira-nya perchakapan-nya itu tidak betul, maka kita ta' boleh terima walau pun ia sama dengan kita.

Tuan Pengerusi, baru² ini Menteri yang berkenaan telah melawat ka-Kelantan dan berkata "Kerajaan Perikatan ia-lah sa-buah Kerajaan yang adil kerana memberi bantuan mangsa banjir di-Kelantan. Pada hal negeri Kelantan di-bawah pemerintahan Kerajaan PAS".

Tuan Pengerusi, saya telah pergi sa-masa Menteri itu memberi bantuan serta saya telah selideki yang bantuan itu di-beri kepada pekerja² sawah padi sahaja.

Tuan Pengerusi, di-Kelantan penanaman padi di-gunakan dengan chara "pawah tanah" ia-itu sa-saorang yang mempunyai tanah, dan kadang² orang yang mempunyai tanah ini, sa-orang janda tua atau anak yatim yang hanya ada sa-suku atau sa-tengah ekar tanah sahaja dan tanah itu di-suroh orang lain mengerjakan tanaman padi dan pendapatan-nya di-bagi dua atau mengikut pembahagian yang tertentu.

Negeri Kelantan tidak saperti negeri Kedah dan negeri² yang lain. Negeri

ini menggunakan “sewa tanah” tidak seperti di-Kelantan.

Tuan Pengerusi, apabila sampai masa untuk memberi bantuan, Menteri itu berkata “Jangan beri kepada orang yang saya tidak suroh beri”. Sedangkan tuan² tanah sedang menunggu kalau² bantuan itu di-bagi dua. Ini bermaana bantuan itu di-beri kepada pekerja² sawah sahaja, tuan sawah tidak di-beri. Sedangkan tuan tanah lebeh susah lagi ia-itu kadang² terpaksa membeli baja dan biji benih. Ini-kah yang di-katakan adil?

Tuan Pengerusi, contoh-nya, sabagaimana yang saya sebutkan tadi ia-itu tuan tanah lebeh susah dan ada tuan tanah itu sa-orang janda tua dan anak yatim. Alang-kah sedeh rasa-nya pada hari itu kerana bantuan tidak di-beri pada-nya! Dan boleh di-katakan pada hari itu ia ta’ dapat satu sen pun.

Tuan Pengerusi, hari ini Menteri² yang berkenaan berkata “Kerajaan Perikatan ia-lah sa-buah Kerajaan yang adil”. Tetapi apa yang di-katakan adil itu hanya di-bibir sahaja sedangkan perbuatan-nya tidak adil sa-bagaimana contoh-nya ia-lah pembahagian bantuan banjir di-Kelantan.

Tuan Pengerusi, hari ini saya mintalah kepada Menteri² dan Ahli² Yang Berhormat supaya berfikir sama dalam hal ini.

Sekian terima kaseh.

Harap Menteri² yang berkenaan tolong jawab—ini-kah yang di-katakan adil?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, saya suka-lah menjawab satu dua perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahathan ini ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada menyatakan ia-itu ada Menteri menyebut nama beliau sa-bagai membuat berita yang mengatakan wang ini bukan daripada Kerajaan Pusat dan wang ini pinjaman dan sa-bagai-nya, tetapi saya pun tidak tahu tentang perkara ini, akan tetapi kita ada mendengar kata² orang, bukan di-sebut kata sipolan² Yang Berhormat Enche’ Abu Bakar Hamzah atau pun sa-

bagai-nya, akan tetapi kata² orang yang mengatakan ia-itu wang ini bukan daripada Kerajaan Pusat, akan tetapi wang ini datang daripada negeri luar yang memberi bantuan atau pun ada pula yang mengatakan wang ini ada-lah wang Kerajaan negeri Kelantan yang di-pinjamkan daripada Kerajaan Pusat. Jadi, tidak ada sebutan nama tertentu, ia-itu si-polan yang mengatakan. Jadi ini apa yang kita dengar, dan pada fahaman saya, dan saya perchaya Ahli² Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya, ia-itu Kerajaan Pusat yang memerintah negeri ini ada-lah Kerajaan Perikatan jadi tidak-lah menjadi kesalahan jikalau dalam surat itu di-tuliskan Kerajaan Perikatan, berma’ana Kerajaan Pusat—Kerajaan Pusat ada-lah Kerajaan Perikatan dan Kerajaan Perikatan ada-lah Kerajaan Pusat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, surat itu betul-lah surat Menteri. Saya ingatkan bukan.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Betul—surat itu betul, dan berkenaan dengan satu pertanyaan atau satu pandangan yang di-buat oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat di-sana juga ia-itu beliau telah menyatakan ia-itu ada banyak mereka yang tidak patut menerima bantuan telah menerima bantuan dan juga ada yang tidak menerima patut menerima. Di-dalam masaalah ini saya suka menyatakan ia-itu siasatan ini telah di-jalankan tidak kurang daripada empat bulan bahkan lebeh daripada empat bulan daripada mula bah itu berlaku dan siasatan telah di-jalankan beberapa bulan lama-nya oleh pegawai² daripada Jabatan Pertanian, Haiwan, Kebajikan, menentukan barang² yang menjadi kerugian kapada satu² keluarga itu dan nama² yang telah di-beri kapada pegawai² Kebajikan ini ada-lah nama² yang datang-nya daripada Pegawai² Jajahan daripada Penggawa² dan Penghulu² ia-itu orang² yang ada bertanggung jawab di-situ.

Sa-lain daripada itu ada nama² yang di-hantar terus kapada Pegawai² Kebajikan oleh mereka yang merayu. Jadi oleh kerana itu saya berpuas hati-lah ia-itu mereka telah di-beri peluang

yang panjang lebar untok merayu dan sa-kira-nya nama² dia tak sampai dia ada masa sa-kurang² empat bulan untok menghantarkan nama dan sa-kira-nya pula dia tahu ada orang yang tak patut dapat dia ada peluang memberi tahu kapada Pegawai² Jabatan Kebajikan ia-itu orang ini membuat tuntutan yang palsu. Jadi oleh kerana itu siasatan telah di-jalankan beberapa bulan lama-nya dan oleh kerana itu saya dapati ia-itu apa yang kita telah jalankan ada-lah telah di-jalankan dengan teliti dan baik; bagaimana pun boleh jadi mereka yang tidak berhak mendapat ada yang mendapat kerana memang-lah boleh jadi perkara yang sa-umpama itu.

Berkenaan dengan satu pandangan ia-itu yang di-buat oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat yang lain yang mengatakan ia-itu chara pembahagian wang itu ia-itu kita ada-lah membahagikan kapada orang yang bekerja dan sa-kira-nya ada pula satu perjanjian di-antara pekerja dengan tuan punya tanah ia-itu jikalau dia dapat sakian banyak hasil dia akan beri sakian banyak, dan jikalau begitu tidak ada halangan untok dia jikalau ada yang berjanji sa-umpama itu jikalau dia hendak membahagi.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, pada mula-nya begitu-lah di-kampung², tetapi manakala Menteri sudah bagi tahu ini pemberian tidak-lah di-bagi kapada sa-siapa pun maka hari ini satu sen pun dia tidak bagi sa-hingga orang ini tak dapat hendak bayar hasil tanah, dan harga baja pun tak dapat di-bayar.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Jadi sa-kira-nya duit itu sa-orang menerima tidak ada sa-siapa boleh tahan, kita hanya menasehatkan ia-itu ada orang² yang mengambil peluang ia-itu dia kata "saya telah menghantarkan nama tuan kapada Pegawai Kebajikan. Jadi bagaimana pula saya ini", ini di-tujukan bagi orang² sa-umpama itu, orang² yang mengambil kesempatan untok menerima sedikit sa-banyak daripada wang yang kita beri itu, tetapi sa-kira-nya ada satu per-

janjian di-antara orang yang bekerja dengan tuan punya tanah, itu perjanjian di-antara sa-orang dengan sa-orang lagi, tidak ada halangan bagi dia hendak membagi sa-banyak mana satu sen, \$10 atau pun semua sa-kali.

Jadi saya fikir, Tuan Pengerusi, penjelasan yang saya beri itu ada-lah jelas, dan berkenaan dengan satu pandangan lagi ia-itu sa-kira-nya dapat kita melanjutkan pemberian ini saya suka-lah menyatakan ia-itu masa dan tempoh lebeh daripada empat bulan telah di-beri dan Kerajaan amat-lah dukachita bantuan itu tak dapat-lah di-lanjutkan.

Dr Tan Chee Khoon: May I touch a little the estimates under this Head?

Mr Chairman: The debate is closed—the Minister has made his reply—unless you wish to elucidate on any matter and ask for clarification.

Dr Tan Chee Khoon: No, Sir.

Question put, and agreed to.

The sum of \$4,843,078 for Head S. 72 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 73, S. 76 and S. 77—

Tan Sri V. T. Sambanthan: Mr Chairman, Sir, I am concerned with Heads S. 73, S. 76 and S. 77, i.e.

Head S. 73—Ministry of Works, Posts and Telecommunications \$275,500.

Head S. 76—Posts and Telecommunications—Borneo States \$92,319.

Head S. 77—Telecommunications \$352,010.

The details are as enumerated in Command Paper No. 26 of 1966.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I wish to touch on Head S. 77 wherein a supplementary estimate of \$352,010 is required by the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications. We are told in this Treasury Memorandum that this sum is required to cope with the new system of telephone charges introduced from 1st July, 1966. I have pointed out

before that the Telecommunications Department takes this attitude, "the customer is always wrong; the machine is always right". It is true that man is a very frail creature; man is subject to all sorts of frailties, including the lapse of memory. Likewise, these sensitive electronic machines, I submit, can also go wrong at times. I had an occasion, Mr Chairman, Sir, to be approached by a customer, a telephone user. He is a very meticulous man. Since the introduction of this ten cents a call he has written down very carefully all the calls that he has made. So, when the bill came from the Telecommunications Department, he said "My God, this is not in accordance with what I have written down". Now, when he made enquiries with the Telecommunications Department, to say the least, the reply was not courteous nor helpful. Then he approached me and when I rang up the authorities concerned, I said: "Look here, these metered calls are so much. Can you please give us a breakdown, because the customer here says that he has got his breakdown". Back down this crushing reply: "When you make a metered call, no details are provided". Consequently, Mr Chairman, the customers have no redress at all in this country. Every month metered calls came to \$50, \$60, you ask for details and you are told, "No details can be given; you might have rung up Penang, you might have rung up Singapore; and so we cannot give details." This is a very serious matter, Mr Chairman, Sir, because my own telephone bill has doubled. It may be that it is no fault of the Telecommunications Department because I might have well used it now. But over a period of time, if I use the telephone much the same way and the bills keep on mounting, then there must be something seriously wrong with the electronic machines in the Telecommunications Department. I do hope that the Minister would personally look into this matter of the attitude taken by the Telecommunications Department which is, "We and the machines are always right; you are always wrong."

Tan Sri V. T. Sambanthan: Mr Chairman, Sir, I hope that the Honourable Member for Batu does not want to infer from the particular that the general is so. I would like to state that with regard to his case or that of any particular person, who is very much aggrieved with the manner in which his bill is mounting, that if he really thinks that there is something seriously wrong, we could certainly put in some special equipment to make a close check on the calls made from his particular phone. We can do that certainly, and if the Member for Batu wants, I will certainly arrange for his phone to be so checked and then we will give him a detail of every call made by him, trunk calls, and such like.

We live, I suppose, very much in an electronic age. Just as he uses his E.C.G. machine (Electro Cardiograph) so also we have got to use these machines. So as he finds, in the world of medical science that more and more machines come in, and the field of Telecommunications is very much one in which mechanical electronic contrivances have got to have the last say. It is quite impossible for any Controller of Telecommunications to say that he can check up and detail every call made over every one of the hundred thousand phones that we have in the country. It is quite impossible, but I can give this assurance that, where there are legitimate grouses, we certainly will check up and I will, of course, not uphold that machines are always right. They do go wrong and they can make mistakes and where there are legitimate grouses, I will certainly look into them.

Question put, and agreed to.

The sum of:

\$275,500 for Head S. 73

\$ 92,319 for Head S. 76

\$352,010 for Head S. 77

ordered to stand part of the Schedule.

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE CENTRAL BANK OF MALAYSIA (AMENDMENT) BILL

Deferment of Second Reading

(Motion)

The Minister of Finance (Tuan Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, in accordance with the provisions of Standing Order 14 (2) I beg to move—

That the Second Reading of the Central Bank of Malaysia (Amendment) Bill be deferred until tomorrow and that the House do proceed with the consideration of the remaining business on the Order Paper.

I would like to state that my reason for moving this motion is that I wish to make an important statement on the currency issue and, as Honourable Members will appreciate, this statement has a bearing on the Bill in question and I am not ready to make the statement this evening.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved.

That the Second Reading of the Central Bank of Malaysia (Amendment) Bill be deferred until tomorrow and that the House do proceed with the consideration of the remaining business on the Order Paper.

THE MERCHANT SHIPPING (AMENDMENT) (NO 2) BILL

Second Reading

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mengusulkan supaya satu Rang Undang² untuk meminda Undang² Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1966 di-bacha kali yang kedua-nya.

Dalam kata² pendahuluan Undang² Perkapalan Saudagar (Pindaan) tahun 1966 ada terdapat satu kesilapan tentang tahun menandatangani "the International Convention for the Safety of life at Sea di-London". Tahun yang sa-benar-nya ia-lah tahun 1960 dan bukan tahun 1964. Yang demikian, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk membetulkan kesilapan² itu.

Sekian-lah sahaja saya pohon di-luluskan bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini dan saya berasa dukachita sangat sebab terlalu lambat di-kemukakan Bill yang samacham ini. Sa-patut-nya Rang Undang² yang tersilap bagini dengan chepat-lah kita kemukakan. Masa tahun 1960 dengan tahun 1964 itu empat tahun, kalau-lah berlaku satu² perkara dalam masa itu, maka kita hendak menggunakan undang² kita itu sa-bagai reference, atau pun tempat yang kita rojok, tentu-lah menimbulkan keadaan yang burok. Kalau-lah Rang Undang² ini merupakan time bomb tentu-lah kita terlepas selalu daripada target-nya, dan saya lebeh suka Menteri kita ini menarek balek Bill ini pada hari ini, dan kemudian kemukakan sa-mula dalam Dewan ini bersama² dengan Rang Undang² yang lain lagi yang telah tersilap haribulan yang terlalai itu supaya kita kumpulkan semua-nya sa-kali, tidak-lah sa-kali mari, sa-kali bawa satu, sa-kali mari; bawa satu. Saya suka dia menarek balek dan di-kemukakan semua-nya yang telah tersilap itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh atas tegoran itu, tetapi ta' kena pada tempat-nya. Undang² yang di-luluskan sa-masa di-London di-tandatangani dalam tahun 1960 yang sa-benar-nya tetapi tiap² buah negeri yang merdeka, dia ada kuasa bila dia hendak persetujuan. Maka persetujuan ini yang Malaysia ini mengaku² atas segala²-nya keputusan international saperti itu di-bawa di-dalam persidangan Dewan Ra'ayat yang barangkali baharu² ini dua tiga bulan yang lalu, dan kami telah di-nasihatkan oleh Pejabat Peguam Negara patut di-semak balek bagitu bagini tarikh tahun yang patut 1960 itu kita taroh pada tahun 1964, walau pun kita hendak pinda "4" itu di-potong taroh note, saya kena bawa pada hari ini, kalau tidak ada, ta' betul dia punya reference-nya. Itu-lah fasal-nya. Yang lain² itu semua-nya sudah chukup baik. Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 2 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE ROAD TRAFFIC (AMENDMENT) (No. 2) BILL

Second Reading

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mengusulkan Rang Undang² Pindaan Lalu Lintas, 1958, di-bachakan kali yang kedua.

Tujuan pindaan Undang² tersebut di-atas ia-lah untuk mengemaskan lagi dengan sa-chara 'am tentang pelaksanaan-nya dan juga untuk melichinkan segala peruntukan² yang tertentu yang telah pun termaktub di-dalam-nya itu.

Di-bawah Section 2 dalam Undang² Lalu Lintas, 1958, pengertian "bas sekolah" ia-lah sa-buah kereta perkhidmatan 'awam yang di-gunakan khas untuk mengangkut penuntut² dan guru² sekolah atau pusat² pengajian tinggi dengan syarat bahawa bas tersebut di-jalankan dengan tidak mendapat apa² keuntungan. Tujuan mengenakan syarat² tersebut ada-lah supaya penyelenggaraan bas² sekolah itu terhad hanya kepada sharikat² bas atau sekolah², tetapi pengalaman telah membuktikan bahawa penyelenggara² bas ini tidak berapa chenderong untuk memberi perkhidmatan bas² sekolah dengan sa-chukup-nya bagi memenohi keperluan kanak² sekolah, terutama sa-kali mereka yang tinggal di-kawasan² luar bandar. Telah menjadi kebiasaan kepada penyelenggara² bas ini untuk membaiki bas² mereka yang telah burok dan di-lesenkan sa-bagai bas² sekolah. Penggunaan bas² yang telah lama itu ada-lah merbahaya dari segi keselamatan jalan raya.

Oleh yang demikian syarat yang tidak membenarkan bas² sekolah mendapat keuntungan perlu-lah di-mansokhkan kerana jika penyelenggara² bas² sekolah boleh mendapat sedikit keuntungan, maka mungkin mereka itu bersedia untuk menambahkan lagi perkhidmatan kepada kanak² sekolah dengan bas² yang lebeh baharu. Sama ada syarat tersebut di-atas di-mansokhkan atau tidak, tambang bas yang di-kenakan sa-banyak \$1.00 tiap² sa-orang kanak² pada satu batu pada tiap² bulan saperti yang terchatit dalam Bahagian 7 (b) Jadual 5, Undang² Kereta² Moto, Kereta² Perniagaan, 1959 tidak-lah berubah, tidak di-pinda tentang sekatan tambang² itu.

Pindaan kepada perenggan (e) dalam bahagian (2) Sekshen 6, Undang² Lalu Lintas, 1958 ada-lah untuk memansokhkan pengecualian yang diberi kepada kereta² biasa (private passenger vehicle) yang di-daftarkan di-Republik Singapura dan yang di-mileki oleh mereka yang tinggal atau bekerja tetap di-sana daripada syarat² mengenai pendaftaran kereta² moto dan pemilek²-nya itu. Juga pemindaan ini akan menghindarkan penduduk² di-negeri ini daripada mendaftarkan kereta² di-Republik Singapura dan menggunakan-nya di-negeri ini. Mengikut undang² hari ini sa-sabuah kereta yang di-daftar di-Republik Singapura dan di-mileki oleh penduduk² Singapura yang sa-benar-nya ada-lah di-anggap sa-bagai kereta itu di-daftarkan di-bawah Undang² Lalu Lintas Malaya mengikut undang² yang berjalan kuat-kuasa yang perlu di-pinda ini. Kereta² yang di-daftarkan di-Singapura boleh-lah di-pindah dengan bebas-nya ka-Malaya.

Di-dalam pindaan undang² yang di-chadangkan ini kereta² biasa yang di-daftarkan di-Singapura boleh-lah di-anggap sama dengan kereta² yang di-daftarkan di-negeri² asing dan pada masa akan datang kereta² pakai yang di-daftarkan di-Singapura yang di-pindahkan ka-Malaya akan di-kehendaki membayar bayaran *ad valorem*—mengikut harga kereta² yang di-lesenkan di-Republik Singapura boleh di-benarkan masok hanya

dengan International Circulation Permit yang akan di-keluarkan selama tempoh 3 hingga 6 bulan. Chaudhangan pindaan ini ada-lah untuk menyekat kekurangan hasil negara kita, Malaysia. Penduduk² di-Malaya membeli dan mendaftarkan kereta² mereka di-Singapura dan memasoki ka-Malaya.

Pindaan ini tidak-lah melibat kereta² perniagaan yang di-daftarkan di-Republik Singapura yang di-jalankan mengikut kebenaran di-bawah Bab 5, Undang² Lalu Lintas. Kereta² moto yang termasuk di-dalam Bab 5 itu ialah lori², van, bas dan kereta² teksi. Oleh kerana Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan Raya telah berpuas hati bahawa tuan² punya kereta² moto ini ada-lah sa-benar²-nya bermastautin di-Republik Singapura sa-belum lesen² tersebut di-benarkan kepada mereka, maka pindaan ini tidak-lah perlu melibatkan kereta² perniagaan yang tersebut di-atas.

Di-bahagian 1, dalam Sekshen 28, Undang² Lalu Lintas, 1958, pindaan ada-lah di-kira perlu untuk membolehkan ra'ayat² Malaysia yang mempunyai lesen² pandu kereta di-dalam perkhidmatan polis dan pasokan² bersenjata memohon lesen² memandu daripada Pejabat² Pengangkutan Jalan Raya dengan tidak payah lagi mengambil ujian² derebar yang biasa-nya di-kenakan kepada orang awam. Ini ada-lah kerana dalam polis dan pasokan bersenjata mereka yang berkhidmat di-bahagian pengangkutan telah di-uji dengan sa-penoh-nya oleh pehak² penguasa mereka sa-belum mendapat lesen² pemandu itu, tetapi untuk mendapat lesen² pemandu itu daripada Pejabat² Pengangkutan Jalan Raya mereka itu tidak-lah pula di-kecualikan daripada bayaran yang telah di-tentukan di-dalam Undang² Lalu Lintas.

Di-bawah Section 92, Fasal 2, Undang² Lalu Lintas, 1958, sa-saorang Pegawai Pengangkutan Jalan Raya atau Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Merinyu ada-lah berhak untuk menahan kereta² teksi haram. Kalau sa-orang Pegawai Pengangkutan Jalan Raya tidak sahaja

berhak menahan kereta² tersebut bahkan juga menyerahkan-nya balek kepada tuan² punya kereta buat sementara waktu, tetapi Pegawai Polis tidak-lah pula mempunyai kuasa demikian, sa-hingga pehak Polis terpaksa meminta perkhidmatan Pegawai² Pengangkutan Jalan Raya untuk menyerahkan balek buat sementara kereta² yang di-tahan oleh mereka itu. Ini menyebabkan berlaku-nya rungutan bagi pehak Polis dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan Raya. Oleh yang demikian pemindaan kepada Fasal (3) dalam Sekshen 92 sangat-lah perlu untuk membolehkan Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Merinyu menyerahkan balek kepada yang empunya buat sementara segala kereta² yang di-tahan oleh mereka.

Satu peruntukan bagi menggantikan Fasal (1) hingga (4) dalam Sekshen 122 Undang² Lalu Lintas 1958 ada-lah di-buat supaya semua lesen² yang di-keluarkan mengikut Bab V ia-itu mengenai lesen² Bas Sekolah, teksi (kereta sewa) dan lesen pengangkutan di-lanjutkan tempoh-nya kepada 7 tahun dari tarikh kebenaran-nya melainkan sa-sabua lesen itu di-batalkan. Peruntukan dalam Undang² sekarang ini ada-lah saperti berikut:

- (a) lesen bas dan bas sekolah tempoh-nya ada-lah tujuh tahun;
- (b) lesen² teksi (kereta sewa) atau kereta sewa di-bawa sendiri mempunyai tempoh tiga tahun;
- (c) lesen² pengangkutan "A" dan "B" sa-lama tiga tahun; dan
- (d) lesen² pengangkutan "C" sa-lama lima tahun.

Ada-lah di-fikirkan bahawa tempoh lesen di-bahagian (b), (c) dan (d) di-atas sangat-lah sengkat. Permohonan² untuk pembaharuan dan pengeluaran lesen² baharu dalam masa dua tiga tahun yang lepas telah mengakibatkan banyak kerja² di-pejabat dan menyebabkan pula timbul-nya soal kekurangan kaki-tangan. Oleh itu pindaan Sekshen yang tersebut di-atas tadi akan mengurangkan kerumitan dan kerja apabila lesen yang tersebut semua-nya mempunyai tempoh sa-lama 7 tahun semua sa-kali.

Pengalaman menunjukkan bahawa semenjak Bab V Undang² Lalu Lintas di-kuat kuasakan dari tahun 1959, hanya satu sahaja permohonan untuk membaharui lesen tersebut telah ditolak dengan alasan bahawa pemegang lesen tersebut tidak lagi menjalankan perniagaan yang memerlukan kereta yang dahulu itu atau yang di-lesenkan itu. Sa-takat ini belum ada lagi di-antara pemegang² lesen atau lesen "B" gagal yang memberi perkhidmatan dalam masa lesen-nya maseh lagi belum habis tempoh-nya.

Berkenaan dengan pindaan kepada Fasal (1) dalam Sekshen 125 Undang² Lalu Lintas, ada-lah di-fikirkan bahawa Lembaga Pelesen patut-lah juga di-beri kuasa membatalkan sa-sabuah lesen yang mana keperluan untuk menggunakan lesen itu tidak ada lagi. Pemindaan akan menghalang pemegang² lesen yang di-benarkan di-bawah Bab II Undang² ini daripada menggunakan kereta-nya sa-chara haram. Dalam Undang² yang ada sekarang, Lembaga Pelesen boleh menggantung atau membatalkan sa-sabuah lesen jika shariat² yang di-kenakan pada lesen itu tidak di-patohi atau pun pengeluaran lesen tersebut, di-sebabkan oleh kenyataan yang palsu daripada pemegang lesen itu.

Ada banyak kejadian² yang di-dapati ia-itu pemegang² lesen itu di-dapati menggunakan kereta² mereka untuk sa-lain daripada yang di-sharatkan. Mithal-nya sa-orang pekedai barang² runchit yang di-benarkan lesen "C"—ini lesen lori yang saya katakan—sa-telah membuktikan bahawa ada-nya kekurangan dan keperluan untuk memileki sa-buah van (lori) jenis "C" bagi membawa barang²-nya itu. Sa-lepas itu beberapa tahun pekedai itu telah berhenti daripada menjual barang² runchit dan mula menggunakan kereta-nya untuk menjaja barang² runchit-nya. Di-bawah Sekshen 125 penggunaan kereta jenis "C" dalam perniagaan menjaja barang² runchit-nya itu tidak-lah di-anggap melanggar shariat² lesen itu tetapi nyata-lah bahawa tujuan yang asal untuk kebenaran lesen itu telah terpesong. Oleh itu kuasa untuk membatalkan lesen yang sa-macham ini patut-lah di-beri

kapada Lembaga Pelesen. Walau bagaimana pun si-pemegang lesen yang di-batalkan lesen-nya itu boleh membuat permohonan yang baharu untuk lesen perniagaan menjaja barang² runchit-nya tetapi permohonan itu tidak boleh di-benarkan oleh Lembaga Pelesen sa-belum Lembaga Pelesen berpuas hati bahawa menjaja barang² runchit-nya itu perniagaan memerlukan sa-buah kereta pengangkutan khas.

Akhir sa-kali, pindaan kepada Fasal (3) di-dalam Sekshen 126 Undang² ini. Ada-lah perlu oleh kerana sharat dalam Undang² pada masa ini tidak memberi kuasa kepada Lembaga Pelesen membenarkan lesen² di-pindahkan sa-lain daripada Bab yang terchatit saperti berikut:

- (a) bila berlaku kematian;
- (b) tidak berdaya melakukan sa-barang kerja;
- (c) bankrupt; dan
- (d) jikalau mengenai sa-sabuah sharikat, penyelesaian di-atas pemegang lesen tersebut atau di-mana sa-saorang Pengurus di-lantek menguruskan perniagaan kepunyaan pemegang lesen tersebut.

Ini menyebabkan kerumitan di-mana mithal-nya si-pemegang lesen berhajat hendak tinggal atau bekerja di-tempat lain dan tidak-lah adil jika lesen-nya itu tidak di-benarkan berpindah ka-tempat yang mereka hendak bekerja atau hendak berpindah. Begitu juga tidak-lah adil jika lesen kepunyaan orang persaorangan atau sharikat² kerjasama tidak di-benarkan pindaan. Mithal-nya ada terjadi di-mana lesen² teksi untuk orang Melayu yang telah di-pajakkan kapada orang² yang bukan Melayu dan pemegang lesen² tersebut, dengan bantuan shariat² kerjasama, bersetuju menebus lesen² mereka itu daripada orang² yang bukan Melayu. Bila terjadi demikian jikalau tidak ada Undang² ini yang membolehkan penukaran lesen itu tidak-lah mungkin lesen² tersebut di-pindahkan ka-sharikat² kerjasama.

Ada-lah di-fikirkan bahawa Lembaga Pelesen patut mempunyai kuasa

untuk menimbang dan membenarkan permohonan² untuk memindahkan lesen² oleh kerana sebab² sa-lain daripada sebab²-nya yang telah ada di-dalam Undang² pada masa ini seperti:

- (a) si-pemegang lesen berhajat hendak bermastautin atau bekerja di-lain² tempat;
- (b) si-pemegang lesen yang ingin memasoki sa-buah sharikat kerjasama pengangkutan dan membenarkan sharikat tersebut menjalankan kereta-nya; dan
- (c) si-pemegang yang bukan Melayu yang ingin menukarkan nama-nya kepada nama lesen itu kepada nama pemandu² Melayu-nya sendiri.

Jika sa-kira-nya Lembaga Pelesen menolak permohonan² untuk memindahkan sa-buah lesen oleh kerana tujuan² yang tersebut dalam (a) dan (b) dan (c) tadi, perkara itu tidak sahaja menyebabkan kesusahan kepada pemegang² lesen itu bahkan juga tidak selaras dengan dasar Kerajaan kita untuk menggalakkan dan melebuhkan lagi penyertaan bumiputera di-dalam perniagaan pengangkutan jalan raya.

Ada-lah di-harapkan bahawa segala kelonggaran yang ada sekarang dalam Undang² Lalu Lintas tahun 1958 ini akan dapat terus di-betulkan dengan ada-nya pindaan² yang telah di-buat di-dalam Undang² ini.

Saya suka juga mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat, di-dalam waktu bersidang jawatan-kuasa nanti, saya akan suka juga meminda muka 2 Rang Undang² ini, Clause 3 "The amendment in paragraph (4)" Jadi pindaan paragraph (4) itu di-tukar kepada paragraph (5). Dan saya akan bentangkan apabila sampai kepada Jawatan-kuasa itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya men-chadangkan Rang Pindaan Undang² Lalu Lintas ini di-bachakan kali yang kedua.

Enche' Geh Chong Keat: Sir, I seek clarification from the Minister of Transport on the matter of school bus. Does this term "school bus" include school taxi? Sir, as this Bill is intituled

"an Act to amend the Road Traffic Ordinance, 1958", I would like to speak on the subject of school taxis. The people, who earn their living through transporting school children to and from schools, are grateful to the Honourable Minister of Transport for permitting them to license their vehicles as school taxis. However, these people are finding it very difficult to comply with the terms and conditions, even though they try their best.

Sir, the item which they are most concerned with is the taking out of an insurance for their vehicles. I would like to bring to the notice of the Honourable Minister of Transport that most of the insurance companies are not very keen on selling policies to these school taxis, and there are conditions and terms, and even stipulations, on limiting the type and year of the vehicle. In other words, when I say the year, I mean the model according to the year, i.e. "52" or "56". The premium which they have to pay is 25% on that of taxis, and the licence fee for these school taxis is considered to be rather high. The argument put forth by these school taxi operators is that the common taxi operates somewhere around 12 hours a day and a school taxi operates between the morning and afternoon sessions of the school hours. Therefore, with this limitation of hours to operate and the limitation of the transporting of school children only, they request the Honourable Minister to consider a reduction in the licence fees and also permitting them to transport school teachers.

Sir, they would very much like to comply with the regulations and the requirements as stipulated by the Department and, as I say, they are very grateful to the Honourable Minister for allowing them to license their vehicles. Sir, another point is that because their earnings are very limited, they request the Honourable Minister to allow them to take out their road tax quarterly instead of the present period of six month.

Personally, I feel that the sign on the doors of the school taxis is too big and sometimes they can be mistaken for an ordinary taxi. Therefore, the school taxi operators have made a request to the Minister to either use as a symbol the alphabet "S" "school taxi", or to change the wording so that it is not in the same form as the ordinary taxi. In other words, in respect of taxis you have the lettering on the first line, say, "Tanjong Tokong" and then "Taxi", and in the case of school taxis, it is "Taxi Sekolah" and "Pulau Pinang". So, in other words, the forms are the same, and it could be mistaken for a taxi, and if they refuse to stop then a complaint may be made against them, even though they have no business to stop and pick up any other passenger except students.

In this respect, I make a formal request, on their behalf, to the Honourable Minister to give sympathetic consideration and allow them to liaise with the insurance company in order to make it easy for them to license their school taxis in such manner so that they have to pay a lower rate than a taxi in respect of license fee and for the insurance premiums. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan, saya turut berchakap sedikit di-dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak membangkitkan dua perkara sahaja. Yang pertama saya bersetuju dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Penang Utara, ia-itu kereta budak² sekolah atau pun kereta kechil ini bila kita tulis di-situ akan menjadi kesamaran dengan taxi.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya berchakap, Ahli² Yang Berhormat berpakat pergi keluar, sudah tidak chukup koram.

Division Bell rung: (House counted 26 members present.)

Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh. Apa yang saya hendak sebut ia-lah saya rasa tulisan itu tidak payah kita tulis di-motokar itu sa-mata² kalau

orang itu ada lesen atau kebenaran untuk membawa budak² sekolah, sudah memadai-lah dia ada satu pas menunjokkan kepada pehak yang hendak bertanya. Sebab-nya ada juga sa-tengah² orang itu tidak mahu menulis perkataan itu di-motokar-nya, sebab bila dia hendak berjalan jauh nampak sangat dia itu sa-bagai teksi. Jadi apabila sudah tidak banyak orang ingin menjadikan kereta-nya sa-bagai kereta budak² sekolah itu, menambahkan lagi susah-nya anak² kita pergi sekolah. Jadi boleh-lah di-buat dengan sa-mata² kita bagi pas kepada dia—sudah chukup, sa-bagai-mana keadaan lesen itu, kalau kira-nya Menteri kita bersetuju.

Yang kedua, ada satu perkara yang saya hendak menyampaikan ia-itu masalaah telah timbul di-beberapa tempat biasa-nya kalau tidak silap saya menjadi salah satu daripada sharat² bagi teksi yang di beri lesen itu hendak-lah berada di-tempat-nya, tetapi teksi² itu pergi ka-tempat lain. Maka banyak-lah berlaku bahawa teksi yang di-beri lesen di-satu tempat, dia bermalam di-tempat lain atau pun dia jarang² balek ka-tempat² itu, maka tentu-lah hilang tujuan yang asal yang kita memberi lesen supaya dia berkhidmat di-tempat itu. Ini berlaku di-dalam banyak kawasan. Dan berbangkit daripada itu pula, saya lebeh suka kalau sa-kira-nya Kementerian ini dapat menimbangkan sa-mula, ia-itu chara memberi lesen. Salah satu daripada chara-nya, yang saya tahu ia-lah mengikut banyak-nya penduduk² di-satu tempat. Mithal-nya 20,000 atau pun 25,000, maka di-beri satu lesen kepada satu kereta.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bukan dua puluh ribu, 2,000 sampai 2,500 patut-lah ekonomik di-adakan sa-buah teksi itu. Ada kala, lima ratus pun saya bagi juga—hujung gunung, hujung sungai.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak emphasise, na' tekankan ini, bukan angka itu, ia-itu chara. Salah satu daripada sharat²-nya ia-lah, kita memandang kepada bilangan orang² itu—20 ribu-kah, 25 ribu-kah, 2,500-kah.

Tetapi, ada sa-tengah² kawasan itu, na' dapat 2,000 penduduk-nya, bukan main luas. Jadi, khidmat itu tentu-lah bertambah jauh lagi jarak-nya motokar itu hendak memberi perkhidmatan. Jadi, saya lebeh suka kalau sa-kiranya Kementerian ini dapat menimbangkan chara itu dari segi jarak tempat-nya, bukan sahaja dari segi angka banyak orang-nya, dengan demikian akan terbela-lah kawasan² yang jauh. Oleh kerana kita memberi lesen teksi ini kerana hendak memberi khidmat kepada orang—yang pertama memandang kepada kesebukan orang itu, terlampau banyak bilangan; yang kedua kerana jauh-nya hendak datang ka-hospital, begitu bagini. Kalau diasaskan di-atas angka orang sahaja, maka orang² yang tidak sampai angka tetapi kawasan-nya luas, akan terbiar juga, dan dengan demikian maksud daripada motive kita membuat chara itu tidak tercapai. Itu-lah yang dapat saya kemukakan.

Yang ketiga dan yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak satu sebab mengapa kita mesti tentukan angka kepada dua ribu—2,000 orang atau 2,500—untuk mendapat satu lesen teksi yang akan berkhidmat. Saya perchaya bahawa angka itu ia-lah angka yang menjunjukkan khidmat itu dapat di-aku'i sebagai satu khidmat yang bersifat ekonomik. Erti-nya, orang yang mendapat lesen itu pun tidak rugi dan dia pun dapat memberi khidmat. Tetapi, saya fikir ada sa-tengah kawasan yang penduduk-nya rapat—kawasan-nya kechil 2,000 orang mithal-nya terkumpulnya orang dalam satu kawasan yang kechil tetapi ramai, itu menambahkan lagi kesebukan kechergasan atau aktiviti orang² itu lebeh banyak lagi. Jadi, kalau kita asaskan kepada 2,000, kita mengatakan ketentuan itu ekonomi, saya rasa itu berlawanan dengan aktiviti yang di-aku'i di-dalam ekonomi sendiri.

Saya tidak tahu-lah, kaedah ekonomik yang di-pakai di-dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan berlain daripada kaedah yang di-pakai di-dalam Kementerian Pengangkutan. Saya rasa ekonomik itu sama sa-lagi kesemua things to be in equal. Jadi, saya rasa di-dalam Kerajaan kita ini,

satu Kementerian memakai kaedah lain, satu Kementerian memakai kaedah lain. Saya rasa benda itu patut-lah, apabila saya mengshorkan ini, Menteri kita dapat menimbangkan dan berunding dengan satu Kementerian lain, bahawa betul-kah angka itu merupakan angka ekonomik. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya

suka hendak mengambil perhatian di-atas menyokong Rang Undang² yang di-bawa oleh Menteri Pengangkutan, berkenaan dengan Road Traffic Ordinance tahun 1958. Apa yang tertarek hati pada saya tadi, di-dalam ucapan pembukaan-nya ia-lah berkenaan dengan bas² membawa murid² sekolah ka-sekolah, ia-itu hendak-lah bas yang baharu, yang di-fahamkan. Jadi, selalu-nya lesen bas sekolah ini diberi kepada Sharikat Bas Tempatan untuk mengadakan-nya.

Jadi, saya datangkan pertanyaan kepada Menteri Pengangkutan, mithal-nya, sa-buah Sharikat Bas yang ditempatkan itu telah di-dapati agak² bankrupt dan tidak memuaskan hati orang² tempatan di-atas pengangkutan-nya pada orang ramai dan menyusahkan Kerajaan apabila mereka itu mengadakan Meshuarat Agong-nya dengan meletakkan *Reserve Unit* di-sekeliling tempat meshuarat itu kerana bimbang pergadohan terjadi, atau pergadohan telah terjadi antara ahli² sharikat itu; dan pertelengkahan di-antara Ahli² Pengarah dan juga orang yang bertanggung-jawab di-sharikat itu maseh berlaku dan tidak boleh membahagi bas yang baik untuk pengangkutan budak² sekolah. Rasa saya hendak-lah di-bagi peluang kepada bas di-tempat lain yang boleh membuat pengangkutan yang memuaskan hati kepada budak² sekolah.

Umpama-nya, jikalau sa-buah sharikat bas di-Setapak tidak memberi puas hati kepada penduduk² di-situ, boleh-lah Sharikat Bas yang dudok di-Gombak mengangkut budak² sekolah itu. Perkara ini telah terjadi di-tempat saya. Apa yang saya harapkan kepada Yang Berhormat Menteri tolong-lah siasat berkenaan dengan

Sharikat Bas yang saya katakan sentiasa huru-hara. Dan semenjak tertuboh-nya Sharikat Bas itu 26 tahun dahulu, di-dapati Sharikat Bas itu tidak mendapat keuntungan. Apa yang saya katakan tadi apabila mereka mengadakan Meshuarat Agong-nya terpaksa di-panggil polis Reserve Unit menjaga keliling tempat meshuarat itu kerana takut pergadohan, kerana ada pergadohan berlaku. Jadi, rasa saya kuatkuasa ini sa-bagaimana yang saya fahamkan, ada di-dalam section 122. Jikalau saya ta' faham, sila-lah Yang Berhormat Menteri betulkan saya.

Jadi, berkenaan dengan motokar² yang di-beri lesen untuk membawa budak² sekolah sa-chara boleh dikatakan sa-chara teksi budak sekolah, maka saya dapati ada sa-tengah motokar itu yang sudah uzor benar. Kadang² kanak² sekolah itu di-isi lapan orang, di-sini sampai lima belas, macham ikan sadin. Jadi, ini patut diawasi. Kerana, saya bimbang, ma'alum-lah jalan² dalam Pahang itu bukan-lah baik sangat dan pula driver² lori yang membawa kayu itu bukan-lah dia mengindahkan sangat Undang² Lalu-lintas—dia berjalan-lah dengan sa-kuat² dia berjalan, memuatkan kayu yang begitu berat. Jadi, saya harap Menteri Yang Berhormat hendak-lah mengambil pandangan berkenaan dengan memberi lesen kepada kereta² yang membawa budak² sekolah ini dan juga mengambil perhatian berat kepada lori² yang membawa kayu supaya jangan di-fikirkan-nya jalan raya itu taukeh balak yang punya. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh dan meng-alu²kan Bill yang ada di-hadapan kita ini yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tadi dan ini ada-lah satu pindaan yang sangat menggembirakan ra'ayat dalam negeri ini dan dengan dapat di-laksanakan Bill ini akan mengatasi kesulitan² yang di-alami oleh Kementerian Pengangkutan.

Saya chuma hendak menyentoh, Tuan Yang di-Pertua, atas penerangan yang telah di-berikan oleh Yang Ber-

hormat Menteri ini tadi ia-itu dalam perkara penahanan kereta², telah disebut-nya tadi Pegawai Polis serendah²-nya yang berpangkat Merinyu, tetapi ada satu perkara penahanan apa ada kuasa atas penahanan ini, ia-itu Jaga² sekolah yang menahan kereta lalu lintas di-jalan raya waktu murid² sekolah keluar daripada sekolah yang tiada di-tulis jalan². Ada juga kereta² yang berhenti dengan penahanan Jaga sekolah ini atas timbang rasa-nya dengan sebab lintas lalu anak² itu tetapi ada juga kereta² yang tidak menghiraukan penahanan ini, dia terus lalu dan anak² kita itu habis bertempiaran, jadi kuasa kapada Jaga lalu-lintas anak² sekolah patut di-fikirkan oleh Kementerian ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelesen. Lembaga Pelesen ini saya nampak patut juga di-berikan satu sharat penambahan kapada pemandu² motosikal ia-itu pemandu motosikal di-kehendakkan mereka jangan memakai kain sarong sama ada pemandu-nya atau orang yang membonchong di-belakang motosikal itu, sebab dengan dia memakai kain sarong tadi selalu jadi kemalangan, terutama sa-kali kalau di-bawa di-belakang orang yang dia suka bawa. Akhir-nya kain sarong dia berbelit dengan motosikal tidak sedar, yang susah Polis, yang susah Kementerian ini. Jadi, saya minta-lah pemandu² motosikal di-Malaysia ini tidak di-benarkan memakai kain sarong dan juga orang membonchong motosikal itu. Itu-lah sahaja. Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali saya mengucapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat² semua sa-kali yang telah berchakap menyokong Bill ini dan mengeluarkan chadangan² supaya dapat di-pertimbangkan dan di-perbaiki lagi. Wakil dari Bachok telah berchakap tadi. Saya ambil wakil Pinang Utara. Wakil Pinang Utara telah mengatakan di-tulis di-pintu kereta sekolah ini chara yang bodoh, chara yang tidak elok. Yang sa-benarnya Yang Berhormat di-dalam Rumah yang berbahagia ini faham dan tahu, kereta yang di-katakan kereta budak²

sekolah tadi memang-lah kebanyakan-nya *pirate* teksi. Itu-lah hendak faham dahulu sebab-nya itu. Kereta² teksi sapu, teksi kominis kata orang Kelantan. Ini yang di-bawa² selalu. Sa-lagi belum di-luluskan Rang Undang² ini dia bawa juga. Jadi kalau tidak ada bagi tanda sa-macam itu mati-lah teksi yang betul² yang membayar chukai, yang bersusah payah. Akhirnya orang kampung tidak berjumpa teksi, kerana teksi sapu itu bermaharaja lela. Sebab itu-lah kita taroh tanda "kereta sekolah"—itu sahaja. Jadi, kalau dia hendak bawa passenger yang bukan budak umur 14 ka-bawah—salah, tangkap, cancel, ada keterangan, kena hukum. Memang banyak rayuan hari ini sampai hendak buat S. Ini daleh sahaja. Yang sa-benar-nya supaya polis tidak boleh hendak membezakan kereta sekolah-kah, *pirate* teksi, jadi dia boleh buat kerja *pirate* teksi.

Saya bukan tak menimbang, soal ini kita boleh perbaiki sama ada hendak di-elokkan, kechil, besar, itu kita boleh rundingkan, tetapi hendak-lah bertanda supaya pehak polis senang mengetahui ini kereta sekolah. Dan bagi pehak budak² sekolah dan ibu bapa pun tahu ini kereta sekolah, dan ini dengan sendiri-nya akan menghapuskan chara teksi haram. Kalau tidak ada tanda itu, senang di-buat siapa pun di-sapu di-tepi jalan, maka itu bukan tujuan masaalah yang asal.

Teksi sekolah ini kata chukai-nya tadi mahal. Itu, saya suka-lah terangkan di-sini kepada pehak² orang ramai dan Ahli² Yang Berhormat di-sini, yang menjadikan mahal ini fasal selalu kereta teksi haram ini menggunakan disel, minyak disel. Jadi, kereta disel, kereta pakai, kena bayar chukai empat kali ganda daripada chukai minyak benzen. Pertama sa-kali apabila kereta 190D disel yang bawa teksi haram ini hendak juga bawa budak² sekolah. Ini tidak boleh hidup dan tidak boleh meniaga. Jadi Kerajaan hendak menyekat kereta pakai daripada dia membayar chukai ini mampu, tidak boleh di-benarkan hanya membawa budak sekolah sahaja, pun tidak boleh. Sa-kira-nya sa-orang mendapat keterangan yang chukai

kereta teksi sekolah ini lebeh mahal daripada teksi betul, itu memang betul cherita-nya, kerana kereta pakai kalau injin disel memang chukai-nya mahal, tetapi tuan punya kereta disel yang hendak bawa budak sekolah, kerana hendak dapat untong sadikit, kalau tak mampu hendak pakai kereta pakai, boleh-lah memohon kepada Lembaga Pelesen supaya di-benarkan membayar kerana bawa budak² sekolah ini ia-itu \$3 sa-buah kereta pada satu bulan, berma'ana satu tahun \$36 sahaja chukai-nya. Jadi kalau dia memohon kita akan menimbangkan macham mana, tetapi hendak menyekat bayar \$36 sahaja tidak boleh, kerana kereta itu boleh di-pakai oleh tuan punya pada waktu tidak membawa budak sekolah tetapi tidak boleh bawa orang kerana mengambil upah.

Berkenaan dengan insuran, kita telah berunding dengan wakil insuran yang ada di-Ibu Kota dan telah pun bersetuju menolong supaya menerima insuran dan di-kurangkan bayaran insuran 25 per cent daripada biasa. Jadi, sa-kira-nya di-Pulau Pinang dan di-mana² ada insuran yang tak mahu bekerjasama, chuba-lah lekas berhubung dengan Pendaftar di-sana atau pada saya sendiri, supaya saya boleh menasihatkan insuran kompeni yang mana boleh menerima supaya membahagi kerjasama, yang tidak mahu itu kita boleh ambil tindakan kalau perlu dan kalau ada keterangan yang chukup.

Berkenaan dengan chadangan hendak bayar tiga bulan atau enam bulan itu, kalau ada permohonan, kita akan timbangkan. Berkenaan dengan bayaran lori pun kita ada timbangkan, bukan enam bulan tetapi tiga bulan atau tiap² bulan tengok pada keadaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham sadikit, ia-itu kalau ada insuran kompeni yang tidak mahu bekerjasama pada mula-nya, kalau ada yang tidak bekerjasama, Menteri kita minta bagi tahu supaya dia memberi nasihat. Yang kedua, kalau tidak mahu juga, maka kita mengambil tindakan. Jadi bagaimanakah hendak mengambil tindakan kalau perkara itu tidak di-bawah

undang² atau pun sudah kita tetapkan bahawa insuran ini mesti memberi 25 persen.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya telah berhubung dengan Persatuan Insuran Kompeni yang ada di-Ibu Kota ini dan beliau sa-bagai mewakili semua sa-kali insuran yang masuk dengan dia-lah, yang insuran tak masuk dengan kompeni ini, saya tidak bertanggung-jawab-lah; jadi dia telah bersetuju mahu bekerjasama, barangkali yang tidak mahu bekerjasama ini ada sa-tengah² insuran yang tidak masuk di-dalam association insuran ini. Jadi, kalau dia berhubung dengan kami, kami boleh rekmenkan insuran² kompeni yang masuk di-dalam persatuan ini, kalau tidak ada itu kena kita berhubung dengan yang ada di-Kuala Lumpur ini. Dan tentang dia melanggar syarat itu saya boleh rojek-lah kepada Menteri Kewangan kerana berkenaan dengan insuran di-dalam tanggong-jawab Kementerian Kewangan.

Sa-lain dari itu, pehak Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi menyokong-lah di-atas ini dan saya sudah terangkan, dia berchakap juga berkenaan dengan teksi, badge teksi. Ini memang ada undang² kalau teksi itu di-peruntokkan di-Bachok apabila dia lari daripada tempat yang di-untokkan itu dan selalu ada dapat keterangan, kita akan siasat dan bicharakan, kalau ada keterangan chukup. Pertama kita bagi amaran, tahan tiga bulan, kedua barangkali potong terus, itu-lah membawa kepada economics atau tidak economics sa-sabuah teksi itu di-peruntokkan di-tempat itu.

Umpama-nya di-bandar Yang Berhormat di-Bachok katakan-lah, bandar itu berapa ribu, ada—10 ribu katakan, atau pun kalau ada sampai 20-30 teksi mana hendak hidup di-sana teksi ini. Nama saja di-Bachok tetapi tidak ada dua buah yang ada di-sana pada malam. Barangkali 18 itu merayap ka-Kota Bharu di-mana². Jadi ini merugikan kepada penduduk² di-situ dan lari daripada tujuan Kerajaan hendak menolong orang² di-situ dapat hendak gunakan teksi, sebab itu-lah economic tidak economic daripada segi peng-alaman kami orang Pejabat Kenderaan

berpuluh tahun kalau satu kawasan tidak ada dua ribu sampai 2,500 itu teksi mesti lari. Dan tentang jauh—saya sudah berchakap tadi sa-bagai Menteri Pengangkutan kira-nya tidak sampai angka 2,000-2,500 macham di-negeri Pahang, kampong kecil², Trengganu dan di-Kelantan juga saya menggunakan kuat-kuasa dengan syarat teksi yang di-benarkan di-tempat yang ada hanya 500 orang itu kalau terpenchil tempat-nya, kalau ada report teksi² itu lari selalu daripada tempat itu, kita akan potong, kerana tidak menguntongkan kepada penduduk² di-situ. Saya fikir Yang Berhormat wakil Bachok pun bersetuju dengan saya kerana itu-lah asas kita menempatkan teksi² itu.

Kedua-nya, berkenaan dengan ekonomik tidak ekonomik—saya suka menerangkan chara mengeluarkan lesen teksi atau lori atau bas ini kepada ekonomik pada menjalankan orang² yang berusaha ini, jadi kalau tidak ekonomik kita tidak peruntokkan, kerana membazir, rugi, jadi saya perchaya ekonomik yang di-gunakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini juga, begitu juga kalau tidak ada untong buat apa hendak meniaga, tetapi dalam meniaga ini kalau tidak berani meniaga buang modal, tentu-lah tak dapat untong, kita kena chuba juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, bukan masaalah dari segi rugi untong-nya—ekonomik ia-itu kita hendak memberi kemudahan kepada ra'ayat—itu dia—bukan sahaja merupakan ekonomik tetapi dia merupakan productive sama dalam usaha itu. Jadi kalau asaskan kepada angka sahaja jadi boleh jadi kawasan itu semakin rapat sa-makin banyak ektiviti-nya dan terkadang² orang itu sedikit tetapi kawasan-nya luas maka kita berhajat—itu yang saya maksudkan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kebanyakan dalam kawasan dia kecil penduduk-nya banyak, apabila dalam bandar ada bas pada siang hari dan malam hari juga. Tetapi kalau lorong² kita akan timbangkan dan kita siasat mengikut keadaan-lah bagaimana Yang Berhormat itu kata. Kita punya

undang² bukan-lah tak boleh di-edar² sedikit atau flexible undang² ini—polisi kita flexible asalkan menguntongkan kapada penduduk di-situ dan kapada orang yang hendak menjalankan teksi itu.

Yang Berhormat wakil daripada Raub ini—saya tak sampai ada report² berkenaan dengan tak mengadakan meeting begitu bagini, tetapi ini berkenaan dengan Registrar of Company. Jadi sa-bagai Menteri Pengangkutan saya tak dapat-lah hendak berchampur soal Sharikat Bas dan begitu bagini tetapi kalau ada keterangan Bas ini tidak menjalankan kewajipan-nya bagaimana syarat², kita boleh panggil dia dan bicarakan dan kalau chukup keterangan kita tahan lesen dia atau pun kita cancel. Ada dua tiga Kompeni Bas yang telah kita potong lesen-nya. Jadi saya harap Yang Berhormat kalau balek ka-Raub tolong-lah dapatkan keterangan itu berhubung balek dengan saya, tengok macham mana keadaannya. Tentang bas budak² sekolah, kalau dia tak menjalankan dengan betul juga, bagi-lah perhubungan dengan Pendaftar di-sana, supaya menyiasat perkara itu dan akan berhubung dengan saya nanti.

Berkenaan Ahli Muar Utara, saya banyak terima kaseh-lah fasal menyokong pindaan undang² ini dan juga membuat chadangan berkenaan dengan menjaga budak² sekolah menyeberang jalan² ini.

Ini pertama sa-kali dalam kuat-kuasa Polis, kalau Polis ada juga menahan bersama² di-situ. Jadi harap saya akan berhubung dengan pehak Pendaftar dan Polis supaya kereta² ini menghormati tanda² apabila budak² hendak menyeberang jalan mesti-lah berhenti kalau tak berhenti mengikut undang² (bylaws) memang salah.

Yang chadangan berkenaan dengan orang pakai kain tak boleh naik motosikal, ini saya akan siasat halus² kalau-lah saya buat kan undang² ini orang kampung apa hal-nya, kalau orang pakai sarong tak boleh pakai, orang pakai skirt itu lagi pula tak boleh juga barangkali. Jadi saya akan siasat-lah perkara² macham ini tetapi yang saya

hendakkan kalau orang naik motosikal biar-lah pakai helmet kerana kalau jatuh—bukan fasal jatuh-nya itu mati, fasal jatuh kepala kena batu, jalan selalu, pechah dan mati, itu memang hendak dijadikan kuat-kuasa undang² dalam pertengahan tahun depan, ini kita harap.

Jadi saya ucapkan terima kaseh-lah semua chadangan² itu saya akan menceritakan balek fasal pakai kain tak boleh naik motorsikal satu perkara yang rumit terutama sa-kali berkenaan orang di-kampong². Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

Clause 3—

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, pindaan Clause 3—perkataan “paragraph (4)”, huruf rumi “4” bertukar kepada “5” ini kesilapan masa di-taip ayat ini.

Amendment put, and agreed to.

Clause 3, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Bill reported with amendment: read the third time and passed.

THE DANGEROUS DRUGS (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormat-nya mengemukakan bahawa Rang Undang² bagi meminda Undang² Ubat Merbahaya, tahun 1952 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tujuan dan sebab² mengadakan Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda Sekshen 30 dalam Undang² Ubat yang Merbahaya, tahun 1952, dengan menghapuskan Sekshen 30 keseluruhan-nya

dan menggantikan-nya dengan undang² baharu berthabit dengan tangkapan dan rampasan kenderaan. Peratoran sekarang ini jika di-jalankan ada-lah mengambil masa yang panjang dan susah menjalankan-nya. Dengan yang demikian ada-lah di-fikirkan mustahak merengkas dan mengemaskan peratoran rampasan ini supaya boleh selaras dengan peratoran di-bawah Undang² Kastam bilangan 42 tahun 1952. Pindaan yang di-chadangkan ini akan menjadikan kenderaan yang di-gunakan untuk melakukan kesalahan di-bawah Undang² ini di-rampas serta-merta dan juga memberi peluang kepada pihak yang tiada bersalah memohon kepada Menteri Kesihatan dalam tempoh sabulan daripada tarikh rampasan itu untuk memulangkan kenderaan yang telah di-rampas itu. Saya tidak

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, koram tak chukup. Banyak orang keluar.

(Divisional bell rung: House counted: 26 Members present).

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan ulasan saya di-atas Rang Undang² ini kerana Ahli² Yang Berhormat boleh dapat penerangan-nya di-hujung Rang Undang² ini. Tuan, saya kemukakan Rang Undang² ini untuk di-bachakan bagi kali yang kedua-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, the Honourable the Parliamentary Secretary to the Ministry of Health has kindly short-circuited what he has to say by telling us that we can find all that we want to know in the Explanatory Statement. I regret to say that this Explanatory Statement does not tell us much, and I would have hoped that the Honourable Parliamentary Secretary could have cleared quite a number of doubts that I have in my mind.

Mr Speaker, Sir, this Bill as I see is concerned with conveyance, conveyance, conveyance all through. I would have thought that in amending this Dangerous Drugs Ordinance, the Government would have brought before us here today ways and means of seeing

that these dangerous drugs do not get into the wrong hands. It is true that drugs get conveyed by conveyances and the like and this is no secret, not only to the Ministry of Health, or to the Customs Department, or even to the Police. The trouble is that very little has been done to prevent such conveying drugs and such sale of drugs.

Mr Speaker, Sir, it is no secret that drugs on the dangerous deleterious drugs list can be bought under the counter in a large number of places in this country, particularly in Kuala Lumpur. Now, it is also no secret that if you go to a hotel in Kuala Lumpur, the hotel keeper says "All right", he shows you the room, he makes you comfortable, and he also gives you a few pills as a prophylactic. Now, I have not been there (*Laughter*), Mr Speaker, Sir. I have not savoured such delights, but, as the Honourable Minister of Commerce and Industry knows, being a general practitioner. I come across people who say "Doctor", I have taken this drug, "Ta' guna". Mr Speaker, Sir, these hotel keepers have to get their drugs from somewhere in town, and it is no secret again to the Ministry of Health that in the Chinese drug stores in town you can get any quantity of such deleterious drugs that you need. This is a very serious state of affairs, Mr Speaker, Sir, because dangerous drugs should really not get into wrong hands, and worse still if the hotel keeper takes it into his head to use a syringe. I shoulder to think of the consequences, if he gives a dose of penicillin peremptorily to a person who is sensitive to penicillin, as he would have a dead body in his hands in a very few minutes. Now, I do hope that instead of talking about seizure of deleterious drugs, of cars, and the like, which is really not that important, the more important thing is to see that these deleterious drugs do not get into the wrong hands, that is the hands of Chinese druggists, and from there they get into the hands of the wrong people—that also includes people who go to the hotels and ask the hotel-keeper for pills for prophylactic purposes. Mr Speaker, Sir, I can say without fear of contradiction that

the medical profession is very seriously concerned over this sale of deleterious drugs under the counter, and I do hope that the Ministry will take note of this and will bring in legislation to see that such drugs are only sold by people who have authority to either possess or sell these drugs.

The other thing, of course, Mr Speaker, Sir, is this question of covering, which has also to do with these deleterious drugs. I think it was none other than the Member for Kota Star Selatan who, a few months ago, mentioned about quacks going around treating people and doing more harm than good. The deleterious drugs, having got into the hands of the Chinese druggists, then get into the hands of, perhaps, an ex-Hospital Assistant who, perhaps, is covered by a general practitioner from about 40 or 50 miles away. As the Honourable the Minister of Home Affairs has stated, in the Police Force numbering 30,000 there are a few black sheep. I regret to say that in my profession, which number only about a thousand plus, there are also a few black sheep. I would have thought that, in a piece of legislation like this, the Government would have brought forth adequate legislation to see that in respect of those who are covered by disreputable medical practitioners, if they are caught in possession of syringes and deleterious drugs, there would be adequate legislation to see that they can be brought to court and dealt with, I hope, adequately by the court. At the moment, the legislation is not adequate, so that quite a number of these Hospital Assistants, Sir, although brought to court, get away scot free. Mr Speaker, Sir, I commend this to the Parliamentary Secretary to the Ministry of Health and, through him, to the Minister of Health, and I hope the Ministry of Health will get cracking at these two dangers that I have pointed out to this House. Thank you.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:

Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu, kerana dapat menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan

ada-nya ubat² yang merbahaya di-tempat² yang tidak tentu, atau di-kedai² sengseh dan kapada orang² yang tidak patut memileki ubat² yang merbahaya ini. Kementerian Kesihatan berjanji yang kita akan mengetatkan lagi undang² untok membolehkan pihak Kementerian menangkap ubat² yang di-dapati di-tangan² orang yang ta' patut ada dan juga di-tempat² yang berjual atau menyimpan ubat² itu.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

ADJOURNMENT

(MOTION)

Dr Lim Swee Aun: Sir, I beg to move that the House do now adjourn.

The Minister of Lands and Mines (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Sir, I beg to second the motion.

ADJOURNMENT SPEECH

PREPARATION OF ELECTORAL ROLLS IN SARAWAK

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, tonight I wish to point out that little or nothing has been done to prepare the electoral rolls, or to delineate or delimit the constituencies in Sarawak. With the signing of the Peace Agreement between Malaysia and Indonesia on 11th August, 1966, elections in Sabah and Sarawak have become a matter of prime importance.

We know that the Bangkok Talks nearly broke down over the question of the determination of the wishes of the people of Sabah and Sarawak. We

know that the three-tiered elections held in Sabah and Sarawak in 1963 were a farce designed by the British to see that the two States should enter Malaysia. No wonder the Indonesians took offence and hence their insistence on a fresh assessment. Article I of the Peace Agreement reads as follows:

"The Government of Malaysia in order to resolve the problems between the two countries arising out of the formation of Malaysia, agreed to afford the people of Sabah and Sarawak, who are directly involved, an opportunity to reaffirm, as soon as practicable, in a free and democratic manner through General Elections, their previous decision about their status in Malaysia".

Mr Speaker, Sir, this House has heard the interpretation of what "reaffirm" means. However much one may sugar-coat this word and interpret it, there is no doubt it does mean that it is a fresh assessment of the wishes of the people.

Mr Speaker, Sir, while \$314,402 has been spent to prepare the electoral rolls and delimit the constituencies in Sabah, work in Sarawak has not even been started, despite what the Press has reported.

The Deputy Prime Minister in his Press statement after the Peace Agreement in Jakarta seemed to imply that elections at State and Federal level could be held in Eastern Malaysia within a year. While this is true of Sabah, it is not so with Sarawak. Perhaps, the Deputy Prime Minister is not aware of the enormous difficulties and hard work that lie ahead. I have it on good authority that it will take at least two years to prepare the electoral rolls and delimit the constituencies in Sarawak if we are to do the job properly.

In Sabah it has already taken nearly two years to complete the work. In Sarawak the problems are magnified manifold. They are:

- (1) One is to allow sufficient time for the inhabitants there to acquire citizenship.
- (2) One must give them adequate time to register themselves—this is not so easy as it may sound.

(3) One has to delimit the constituencies. When you consider that you have to deal with an area as big as Malaya, that communications by road or rail are poor, or non-existent, and that there are practically no up-to-date maps of the country, then you will realise the enormous difficulties the Elections Commission will have to face.

(4) You have to appoint the staff and train them—not an easy task with a cheese-paring, nig-gardly, Treasury.

Nevertheless, the task of the preparation of the electoral rolls and delimitation of the constituencies will have to be done, and done quickly, if we are to fulfil Article I of the Peace Agreement. There is not time to be lost and the Election Commission must be given all the funds that it requires for this important task.

Mr Speaker, Sir, may I take this opportunity to point out that many a time in this House, my Party has asked for a fresh determination of the wishes of the Bornean States. We have been called all sorts of names, including those of "Suara Indonesia", "Voice of Jakarta", etc. Today, we stand vindicated. Article I of the Peace Agreement, as I have stated before, is a face-saving device to have a fresh determination. Today we can afford to tell the Alliance Government, "We told you so"; and I hope Members of the House sitting opposite me and to my left will remember that we are not afraid to espouse unpopular causes in the face of great adversities and against the tide of public opinion.

Finally, Mr Speaker, Sir, this House has heard the request from Mr Stephen Yong that the elections in Sarawak should be a democratic one. Of course, he has expressed the fear of quite a number of us that the Alliance Party may well want to win the elections by fair or foul means. Mr Speaker, Sir, in times past, the Sarawak Government has banned members of my Party—then the Socialist Front—to enter Sarawak. I do know that entry into Sarawak is

not a matter for the Central Government, but it is a State matter. I do hope that in any elections to come the Central Government and in particular the Honourable Minister for Lands and Mines, who will be replying on behalf of the Government to my adjournment speech and who comes from Sarawak himself, will use his good offices with the Sarawak Government to see that those of us in Western Malaysia can go freely into Sarawak to help the elections there and I do hope the elections there will be a fair and just one. Thank you.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Mr Speaker, Sir, first it is incorrect to say, as the Honourable Member has said, that little or nothing has been done by the Election Commission to prepare the electoral rolls or delimit the constituencies in Sarawak. In fact, since the visit of the Election Commissioner to Sarawak in April, 1966, preliminary works on the delimitation of constituencies have begun and the Election Commission Ordinance, 1957, as he must be aware, having seen all the papers, has also been extended to the States of Sarawak. The reason why work in Sarawak must be started after the work in Sabah is that the State of Sabah resolved sometime ago to have an earlier election than 1968. The Election Commission has, therefore, to complete the work in Sabah first before moving to Sarawak. The allegation that the three-tier elections in East Malaysia in 1963 was a farce designed purely by the British to see that Sabah and Sarawak entered Malaysia is again unfounded. The three-tier system came into being long before Malaysia was proposed by the Tunku. The Honourable Member is also wrong in alleging that the Deputy Prime Minister is not aware of the enormous difficulties that lie ahead in the preparation for direct elections in Sarawak. Mr Speaker, Sir, unlike the Honourable Member himself, who trots along most of the time in Jalan Tuanku Abdul Rahman only, the Deputy Prime Minister has travelled very extensively not only in the States of Malaya here, but also in the Borneo States, that is East Malaysia.

In Sarawak, for example, he has travelled right up the Baram River and also the Rejang River. I am sure the Honourable Member has not done so. Therefore, the Honourable Deputy Prime Minister is fully aware of the enormous difficulties, the gigantic task that has got to be performed by the Election Commission to prepare the electoral rolls in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, I would like here to clarify the Constitutional provisions regarding direct general elections in the State of Sarawak. When the two States, Sabah and Sarawak, decided to join Malaysia, the Committee members from Sabah and members from Sarawak agreed with the representatives from Malaysia to have provisions embodied in the Malaysia Act and also under the Constitutions of both States that the first direct elections in the two States would only be held after August, 1968. The Honourable Member must be fully aware of this. But direct election can be held earlier than that provided the State Governments concerned resolved to do so. In the case of Sabah, Sabah has decided long ago that there must be general elections earlier than 1968. In the case of Sarawak the State Government several times expressed to members of the public that the provision of the Constitution must be adhered to. Hence, we have the first direct general election to be held in Sabah early next year. At this stage, Mr Speaker, Sir, the Central Government is not yet in a position to state the definite date when the direct general election will be held in Sarawak, for to do so will be completely contrary to the provisions of the Constitution. However, the Deputy Prime Minister will very soon discuss this very question, having regard to the provisions of the Peace Agreement, with the Sarawak Chief Minister.

I think, Mr Speaker, Sir, the Honourable Member should not unnecessarily burden himself with all these elections problems in Sarawak. He must be fully aware that his Party has not the slightest chance to win any support in Sarawak. Whatever may have been the attitude of the Sarawak Government in the past regarding the

entry of the defunct Socialist Front into the State, I personally would welcome any of his men to contest any election in Sarawak, for I am convinced that the people of Sarawak will reject the Socialist Front or Labour Party now, as the peoples of Malaya have done in the last general election.

In his final remarks, he mentioned that his party is not afraid to espouse unpopular causes, and so forth. My deep sympathy really goes to the Honourable Member for his misfortune to belong to the Labour Party, which he says is always espousing unpopular causes against public opinion. The dilemma and plight of the Labour Party is quite understandable, Mr Speaker, Sir. Loyal Malaysian citizens in our country know very well that the Labour Party is incapable of doing anything beneficial to the nation. That is why it is incapable of carrying public opinion with it. Malaysian citizens know it is a dying force. Try as the Honourable Member for Batu may to claim for the Labour Party to

represent public opinion in Malaysia, he cannot get away from the stark truth that it has only two out of 144 seats in this *Dewan Ra'ayat*.

The Honourable Member reminded this House that yesterday morning the Honourable Member, Enche' Stephen Yong from Sarawak urged upon the Government to hold free and democratic elections in Sarawak. The Honourable Minister of Home Affairs has already replied to that, but I would like to reiterate here the policy of the Alliance Government. We believe in true democracy and as always we will fight our elections not only freely but in the most clean way. We will see, perhaps in 1967, or 1968, whether or not the *Bangkai Kepala Lembu* will show its head in the States of Sarawak or the State of Sabah.

Question put, and agreed to.

Mr Speaker: The meeting is adjourned till 9.30 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8.20 p.m.